


## Rasional Kulit
## *Cover Rationale*

Secara amnya, imej-imej di muka hadapan memaparkan komponen harta intelek seperti paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hakcipta, petunjuk geografi dan susun atur litar bersepadu. Komponen harta intelek tersebut dilindungi oleh sistem perundangan Malaysia yang selaras dengan amalan dan piawaian antarabangsa. Manakala glob pula melambangkan bahawa isu harta intelek adalah bersifat global tanpa sempadan.

*In general, the images on the front cover show the intellectual property components such as patents, trade marks, industrial designs, copyright, geographical indications and layout designs of integrated circuits. These components are protected by the Malaysian legal system in line with the international standards and practices. The globe signifies the borderless nature of IP.*

# | Isi Kandungan *Content* |


8 Perutusan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
*Foreword of Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism*

10 Perutusan Pengerusi
*Chairman's Message*

14 Perutusan Ketua Pengarah
*Director General's Message*

18 Anggota Perbadanan
*Members of Corporation*

30 Kumpulan Pengurusan
*The Management*

36 Peristiwa Penting 2010
*2010 Key Events*

40 Dinamik Harta Intelek Malaysia
*Malaysian Intellectual Property Dynamics*

68 Kerjasama Harta Intelek Serantau dan Antarabangsa
*Regional and Global Intellectual Property Co-operation*

78 Memperkasakan Sumber Manusia dan Penambahbaikan ICT
*Empowerment of Human Resources and Improvement of the ICT*

86 Ke Arah Membudayakan Harta Intelek
*Towards Vibrant IP Culture*

96 Prestasi Kewangan
*Financial Performance*

110 Akauntabiliti dan Kawalan Dalaman
*Accountability and Internal Control*

114 Perancangan 2011
*2011 Plan*

118 Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010
*Financial Statement For The Year Ended 31 December 2010*

# Lagu Rasmi *Official Song*

***Verse 1***
Paten Idea Baru Ciptaan
Perlindungan Kami Berikan
Juga Cap Dagangan Hakcipta
Dikenali Di Seluruh Dunia

***Verse 2***
Kreatif Serta Yang Asli
Rekabentuk Pemaju Industri
Masyhur Seantero Negeri
Petunjuk Geografi

***Chorus 1***
Kami Sedia Membantu, Di MyIPO
Melindung  Harta Intelek
Pemudah Pendaftaran, Ciptaan
Efisien Dan Juga Mesra

***Bridge***
Meletakkan Negara Malaysia
Setanding Dengan Negara Yang Maju
Menjamin  Semua Perlindungan
Hak Harta Intelek

***Chorus 2***
Kami Sedia Membantu, Di MyIPO
Melindung  Harta Intelek
Bersikap Profesional, Sedia
Dalam Segala Tindakan

***Repeat***
Verse 1
Verse 2
Chorus 1
Chorus 2

Kami Sedia Membantu, Di MyIPO

**Komposer / *Composer* : Dato' Wah Idris**
**Lirik Oleh / *Lyrics By* : MyIPO**

# Transformasi ke arah...

menjadi salah sebuah organisasi harta intelek yang terbaik

# *Transformation towards...*

*becoming one of the leading intellectual property organisations*






# Kami berjanji untuk...

menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang cekap ke arah meningkatkan kreativiti dan eksploitasi harta intelek

# We promise to...

provide strong legal infrastructure and effective administration regime to enhance greater creativity and exploitation of intellectual property


ISMAIL SABRI

## Perutusan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
## *Foreword of Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism*

## Perutusan Pengerusi
## *Chairman's Message*

## Perutusan Ketua Pengarah
## *Director General's Message*



2010

# Perutusan Menteri
# *Minister's Foreword*



**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

*Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism*

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Saya berasa bangga menyaksikan kemajuan MyIPO dalam usaha mencapai visinya untuk menjadi salah sebuah organisasi harta intelek terbaik sejak diperbadankan pada 2003. Saya berpuas hati dengan persekitaran harta intelek yang semakin dinamik dan berdaya saing dalam menyumbang ke arah iklim pelaburan negara yang lebih teguh.

Pengkomersilan harta intelek merupakan salah satu sumber kekayaan bentuk baru, yang kini menjadi agenda penting dalam pembangunan ekonomi negara. Dalam usaha menjadi negara berpendapatan tinggi, kita memerlukan anjakan ke arah aktiviti berorientasi pengetahuan dan nilai tambah yang tinggi seperti meningkatkan kepakaran tenaga kerja, merangsang inovasi dan membangunkan jenama produk. Aktiviti sebegini beserta rejim harta intelek yang kukuh mampu memacu produktiviti dan dapat menarik minat pelabur asing ke Malaysia.

Harta intelek memainkan peranan penting dalam meningkatkan rantaian nilai dan mewujudkan suasana perniagaan yang meyakinkan serta dapat memberi faedah kepada para pelabur dan peniaga termasuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Ini adalah selaras dengan Model Ekonomi Baru yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Mac 2010.

Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2010 telah memfokuskan kepada pembangunan IKS dalam mengkomersilkan harta intelek mereka untuk lebih berdaya saing dalam pelbagai aspek perniagaan. Apabila produk dan perkhidmatan tersebut dilindungi melalui pendaftaran harta intelek seperti paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan dan atau petunjuk geografi akan mendapat tempat yang lebih baik di pasaran.

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam 1Malaysia.*

*I am honoured to witness that MyIPO is moving forward in achieving its vision to be one of the leading intellectual property organisations since its corporatisation in 2003. I am indeed pleased with the increasingly dynamic and competitive environment of intellectual property that contributes towards the nation's robust investment climate.*

*Commercialisation of intellectual property is indeed a new source of wealth, which has now become an important agenda in the country's economic development. In our effort to become a high-income nation, a shift towards higher value-added and knowledge-intensive activities are required, such as enhancement of labour force expertise, fostering innovation and building stronger brand names. These activities, together with a strong IP regime will drive productivity and attract the interest of foreign investors to Malaysia.*

*Intellectual property plays an important role in increasing the value chain and in creating a convincing business environment that would benefit investors and traders including the Small and Medium Enterprises (SMEs). This is in line with the New Economic Model that was announced by the Honourable Prime Minister on 30 March 2010.*

*The 2010 National Intellectual Property Day has focused on the development of SMEs in commercialising their intellectual property to be more competitive in various business aspects. When the products and services are legally protected by registration, their patents, industrial designs, trade marks and or geographical indications will gain a better position in the market.*

Insentif ekonomi yang telah dicadangkan oleh Kerajaan di bawah Bajet 2010 merangkumi pengurangan cukai bagi perbelanjaan oleh IKS adalah untuk mengggalakkan pendaftaran paten dan cap dagangan. Insentif tersebut adalah termasuk fi dan bayaran yang dikenakan oleh ejen paten dan cap dagangan di bawah Akta Paten 1983 dan Akta Cap Dagangan 1976.

Dana pembiayaan adalah penting kepada inovator terutamanya di peringkat awal pembangunan dan pengkomersilan. Kerajaan memberi sokongan kepada inovator melalui skim geran harta intelek bagi meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Skim tersebut juga merangkumi kos permulaan bagi pemfailan harta intelek dalam dan luar negara.

Sistem perundangan yang kukuh membantu menjamin perlindungan harta intelek dengan efektif. Oleh itu, Kerajaan memastikan sistem perundangan sedia ada, adalah terkini dan relevan dengan perkembangan teknologi serta seiring dengan pembangunan perlindungan harta intelek di peringkat antarabangsa.

Sebagai akhir kata, saya berharap Model Ekonomi Baru dengan harta intelek sebagai pemangkin dapat mentransformasi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.

*Economic incentives as proposed by the Government under the 2010 Budget, which include tax deduction for expenses incurred by SMEs is to encourage registration of patents and trade marks. These incentives include fees or payments made to patents and trade marks agents registered under the Patents Act 1983 and Trade Marks Act 1976 respectively.*

*Funding is critical to innovators, especially in the early stages of development and commercialisation. The Government supports the innovators through the intellectual property grant scheme to enhance research and development (R&D). The scheme also covers the initial cost of filing the intellectual property, locally and abroad.*

*A strong legal system helps to assure effective protection of intellectual property. Thus, the Government ensures the existing legislations are up-to-date, in tandem with the current technology growth and compatible with the development of intellectual property protections at the international level.*

*Last but not least, I hope the New Economic Model with intellectual property as the catalyst will transform Malaysia to become a high-income nation.*

*Thank you.*



**DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan
*Minister of Domestic Trade,*
*Co-operatives and Consumerism*

2010

# Perutusan Pengerusi
# *Chairman's Message*



**YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail**

Pengerusi
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

*Chairman*
*Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO)*

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya MyIPO berjaya meneruskan usaha pembaharuan ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggannya. Dengan usaha berterusan ini, MyIPO akan terus melaksanakan gagasan 1Malaysia iaitu "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri.

## PENCAPAIAN DAN PRESTASI 2010

Misi MyIPO adalah untuk menyediakan sistem perlindungan harta intelek yang kukuh dan berkesan serta bertaraf dunia dengan mengambil kira keperluan dan harapan daripada stakeholders utama serta cabaran-cabaran yang perlu ditangani. MyIPO telah menjalankan beberapa strategi teras yang telah digariskan seperti pembangunan dan penambahbaikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), pengurusan kewangan yang berhemat, pembangunan sumber manusia yang berterusan dan peningkatan imej korporat. Selain itu, MyIPO juga terlibat dalam program bina upaya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, serta meneruskan program outreach harta intelek di seluruh Malaysia dengan kerjasama pelbagai pihak.

Pada 2010, MyIPO telah mencatat hasil operasi harta intelek sebanyak RM38,488,641 dengan peningkatan 4.9% (2009:RM36,683,111). Dari laporan kewangan, hasil paten dan cap dagangan mencatatkan peningkatan hasil di mana hasil paten meningkat sebanyak 12.9% kepada RM12,154,944 (2009:RM10,766,391) dan cap dagangan meningkat sebanyak 1.8% kepada RM24,450,642 (2009:RM24,023,895).

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam 1Malaysia.*

*We are grateful to the Almighty as MyIPO continues to take steps to improve its performance on delivery service system to its stakeholders. With these continuous efforts, MyIPO strives to implement the Government's principle: "People First, Performance Now" as envisaged by The Honourable Prime Minister.*

## *2010 PERFORMANCE AND ACHIEVEMENTS*

*MyIPO's mission is to establish a strong and effective intellectual property protection system that corresponds to the world class standards by taking into account the needs and expectations of our stakeholders as well as addressing the challenges ahead. A number of core strategies were outlined by MyIPO which include the development and improvement of Information and Communications Technology (ICT), prudent financial management, continuous human resource development and elevation of MyIPO's corporate image. In addition, MyIPO participated in capacity building programmes at national and international levels, and has also continued its IP outreach programmes by collaborating with various parties throughout the nation.*

*In 2010, MyIPO has recorded a total operational revenue of RM38,488,641; an increase of 4.9% (2009:RM36,683,111). From the financial statement, revenue from patents showed an increase of 12.9% to RM12,154,944 (2009:RM10,766,391) and trade marks revenue increased by 1.8% to RM24,450,642 (2009:RM24,023,895). However, the revenue for industrial designs declined by 0.4% to RM1,881,295*

Manakala, hasil reka bentuk perindustrian menyusut sebanyak 0.4% kepada RM1,881,295 (2009:RM1,889,045) dan petunjuk geografi pula merosot sebanyak 53.4% kepada RM1,760 (2009:RM3,780).

*(2009:RM1,889,045) and geographical indications declined by 53.4% to RM1,760 (2009:RM3,780).*

Bagi permohonan paten dan perbaharuan utiliti, sejumlah 6,464 permohonan telah difailkan dengan peningkatan sebanyak 12.7% (2009:5,737). Jumlah permohonan tempatan telah meningkat 3.3% kepada 1,275 (2009:1,234) manakala permohonan dari luar negara meningkat 15.2% kepada 5,189 (2009:4,503). Bagi pemberian geran paten dan sijil perbaharuan utiliti pula, jumlahnya merosot sebanyak 37.2% kepada 2,177 (2009:3,468) kerana terdapat permohonan yang ditolak disebabkan ianya tidak memenuhi kehendak Akta Paten 1983.

*For patents and utility innovations applications, a total of 6,464 were filed, which showed an increase of 12.7% (2009:5,737). The number of local applications increased by 3.3% to 1,275 (2009:1,234), while foreign applications increased by 15.2% with 5,189 applications (2009:4,503). A total of 2,177 patents grants and utility innovations certificates were issued, which showed a decline by 37.2% (2009:3,468) due to the patents refusal as the patents are not in compliance with the requirements of the Patents Act 1983.*

Bagi permohonan cap dagangan pula, sejumlah 26,370 permohonan telah difailkan dengan peningkatan sebanyak 9.6% (2009:24,070). Pecahan bagi permohonan tersebut menunjukkan permohonan tempatan meningkat sebanyak 2.3% kepada 13,099 (2009:12,810) manakala permohonan luar negara meningkat sebanyak 17.9% kepada 13,271 (2009:11,260). Pendaftaran cap dagangan pula mencatat kemerosotan sebanyak 4.5% kepada 14,294 pendaftaran (2009:14,972). Pecahan bagi pendaftaran tersebut menunjukkan cap dagangan tempatan telah meningkat sebanyak 3.8% kepada 5,642 (2009:5,438). Manakala, pendaftaran cap dagangan luar negara merosot sebanyak 9.3% kepada 8,652 pendaftaran (2009:9,534). Penurunan pendaftaran pada tahun 2010 adalah disebabkan oleh pengenalan sistem pendaftaran cap dagangan yang baru iaitu Sistem Integrasi Cap Dagangan (ITMS) pada suku tahun kedua. Proses asimilasi dalam integrasi sistem tersebut telah memberi kesan kepada kerja-kerja pemprosesan permohonan cap dagangan. Selain itu, peningkatan fail-fail yang menerima bantahan disebabkan tidak memenuhi kehendak Akta Cap Dagangan 1976 turut menyumbang kepada penurunan pendaftaran.

*As for trade marks, a total of 26,370 applications were filed, which showed an increase of 9.6% (2009:24,070). The breakdown of the applications showed local applications increased by 2.3% to 13,099 (2009:12,810), while foreign applications increased by 17.9% to 13,271 (2009:11,260). Trade marks registrations recorded a decline of 4.5% to 14,294 (2009:14,972) of which the local registrations increased by 3.8% to 5,642 (2009:5,438), meanwhile, the foreign trade marks registrations declined by 9.3% to 8,652 (2009:9,534). The decline in 2010 registrations is due to the introduction of a new trade marks registration system (ITMS) in the second quater of the year. The assimilation of the integration of the new system has affected the processing of trade marks applications. In addition, the increase in the number of files objected on the ground of non-compliance with the requirement of the Trade Marks Act 1976 has also contributed to the decrease of the registration.*

Permohonan reka bentuk perindustrian pula, sejumlah 1,677 permohonan telah difailkan iaitu peningkatan sebanyak 14.5% (2009:1,465). Dari jumlah tersebut, permohonan tempatan meningkat sebanyak 5.4% kepada 737 (2009:699), manakala permohonan luar negara meningkat sebanyak 22.7% kepada 940 (2009:766). Sejumlah 1,598 permohonan telah didaftarkan pada 2010, iaitu peningkatan sebanyak 0.1% (2009:1,596). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 748 adalah pendaftaran tempatan iaitu peningkatan sebanyak 41.4% (2009:529). Pendaftaran reka bentuk perindustrian bagi luar negara pula merosot sebanyak 20.3% kepada 850 pendaftaran (2009:1,067).

*Industrial designs applications recorded a total of 1,677 filed, which showed an increase of 14.5% (2009:1,465). From the total applications filed, local applications have increased by 5.4% to 737 (2009:699), and foreign applications have increased by 22.7% to 940 (2009:766). As for registration, a total of 1,598 applications were registered in 2010, an increase of 0.1% (2009:1,596) and out of this, 748 local applications were registered, an increase of 41.4% (2009:529). Meanwhile, foreign industrial designs registrations declined by 20.3% to 850 (2009:1,067).*

Pada 2010, sejumlah lima permohonan telah difailkan bagi pendaftaran petunjuk geografi dengan pengurangan sebanyak 28.6% (2009:7). Permohonan tersebut terdiri daripada tiga permohonan tempatan dan dua permohonan luar negara. Tiga petunjuk geografi yang telah didaftarkan pada 2010 adalah Beras Bajong Sarawak, Beras Biris Sarawak dan Kuih Lidah Kampung Berundong Papar.

*In 2010, a total of five geographical indications were filed, consisting of three local and two foreign applications. This is a decline of applications filed by 28.6% as compared to last year (2009:7). Three geographical indications registered in 2010 were Beras Bajong Sarawak, Beras Biris Sarawak and Kuih Lidah Kampung Berundong Papar.*

Bagi aspek penambahbaikan perkhidmatan, salah satu isu yang dititikberatkan di kebanyakan pejabat harta intelek adalah tempoh pemprosesan dan pendaftaran paten dan cap dagangan yang memakan masa yang lama. Sebagai salah satu langkah penyelesaian, MyIPO telah mewujudkan task force bagi mempercepatkan tempoh pemprosesan pendaftaran paten dan cap dagangan. Selain itu, MyIPO telah menambah seramai 40 orang pegawai termasuk 16 orang pegawai pemeriksa paten dan 11 orang pegawai pemeriksa cap dagangan. Pegawai-pegawai pemeriksa tersebut juga telah diberi latihan dalaman secara intensif selama enam bulan untuk memantapkan kemahiran teknikal mereka.

MyIPO turut memperkenalkan sistem carian dan pemfailan secara atas talian (IP Online) bagi memudahkan pemfailan harta intelek. Dengan adanya kemudahan ini, orang ramai dapat mengakses sistem tersebut tanpa mengira batasan waktu dan geografi.

Seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berinovatif, MyIPO telah mengambil langkah proaktif dalam menganjurkan program kesedaran di kalangan komuniti harta intelek serta orang awam ke arah membina masyarakat kreatif dan inovatif. Antara program utama yang telah dilaksanakan dengan jayanya pada tahun ini adalah sambutan Hari Harta Intelek Negara yang telah diadakan pada 26 April 2010 di Kuala Lumpur. Selain itu, Seminar dan Ekspo Kesedaran Harta Intelek di peringkat negeri juga telah diadakan di Melaka, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak dan Wilayah Timur. Manakala program kerjasama di peringkat kebangsaan iaitu Pertandingan Paten bertemakan *"Innovative Solutions for Everyday Life"* telah dilancarkan pada 15 November 2010. Pertandingan ini adalah anjuran bersama World Intellectual Property Organization (WIPO) dan Korean Intellectual Property Office (KIPO). Program-program seperti ini mampu memberi impak yang memberangsangkan terhadap peningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai perlindungan harta intelek di kalangan rakyat Malaysia dan secara tidak langsung akan meningkatkan bilangan permohonan harta intelek tempatan.

## PENGIKTIRAFAN ORGANISASI

Pada 2010, MyIPO telah menerima beberapa siri lawatan kerja dan kunjungan hormat dari pejabat-pejabat harta intelek, wakil kerajaan dan agensi berkaitan harta intelek dari luar negara. Antaranya IP Australia, *Japan Patent Office*, *Korean Copyright Commission* (Cawangan Bangkok), *Attorney General's Chamber of Brunei*, Duta Ecuador, Mexico dan Brazil, Delegasi Brunei dan Afrika Selatan. Tujuan lawatan kerja dan kunjungan hormat tersebut adalah untuk berkongsi maklumat dan kepakaran dalam mentadbir sistem perlindungan harta intelek serta mengukuhkan kerjasama serantau dan antarabangsa. Lawatan ini merupakan pengiktirafan kepada MyIPO yang sentiasa membuka ruang untuk berkongsi pengalaman dalam membangun dan memartabatkan perlindungan harta intelek.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Warga kerja merupakan aset penting sebagai nadi penggerak utama untuk MyIPO mencapai visinya. Sehubungan itu, MyIPO telah mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif

*In the aspect of service delivery enhancement, one of the common issues faced by intellectual property offices around the world, is the time taken to process and to register patents and trade marks. In addressing this issue, MyIPO had established a special task force to expedite the patents and trade marks registration period. Besides that, MyIPO had also recruited 40 new officers, which include 16 patent examiners and 11 trade mark examiners who had undergone a six-month intensive internal training to strengthen their technical skills.*

*MyIPO had also introduced an online search and filing system (IP Online) to facilitate IP filings. With this, public could access the system regardless of time and geographical location.*

*In line with government's aspiration to transform Malaysia to become an innovative nation, MyIPO has taken proactive steps in organizing awareness programmes for IP community and public in creating a creative and innovative society. Among the main programmes which had been successfully organised this year was the National Intellectual Property Day 2010, held on 26 April 2010 in Kuala Lumpur. In addition, Intellectual Property Awareness Seminars and Expos at State level were held in Malacca, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak and the Eastern Region. The Patent Competition "Innovative Solutions for Everyday Life" which was a national level co-operation programme, was launched on 15 November 2010. The competition was co-organised by the World Intellectual Property Organisation (WIPO) and the Korean Intellectual Property Office (KIPO). These programmes had an encouraging impact on Malaysians towards enhancing knowledge and awareness on intellectual property protection. This indirectly will increase the number of local intellectual property applications.*

## *ORGANISATION RECOGNITION*

*The year 2010 witnessed a series of working visits and courtesy calls from other intellectual property offices, government representatives and agencies related to intellectual property from abroad such as IP Australia, Japan Patent Office, Korea Copyright Commission (Bangkok Office), the Attorney General's Chambers of Brunei, Ambassadors of Ecuador, Mexico and Brazil, delegations from Brunei and South Africa. The purpose of the working visits and courtesy calls was to share information and expertise on administration of intellectual property protection system as well as to strengthen regional and international co-operation. These visits could be seen as recognition to MyIPO on its willingness to share experiences in developing and strengthening intellectual property protection.*

## *HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT*

*Human capital is a vital asset for MyIPO in achieving its vision. MyIPO strives to build a conducive environment for employees to realise their potentials in achieving personal and*

bagi merealisasikan potensi warga kerja dalam mencapai matlamat peribadi dan profesional. Sepanjang 2010, pelbagai program pembangunan sumber manusia yang berkonsepkan pembelajaran secara berterusan telah dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan, kepelbagaian kemahiran dan produktiviti tenaga kerja MyIPO.

MyIPO juga prihatin akan kepentingan hubungan kerjasama dan semangat kekitaan di kalangan warga kerja dan pihak pengurusan. Sehubungan itu, beberapa aktiviti telah dilaksanakan seperti Kelab Sukan dan Kebajikan, Perhimpunan Bulanan, Majlis Bersama Jabatan dan Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil sempena menyambut bulan Ramadhan. Aktiviti sebegini dapat mengukuhkan hubungan kerjasama dan semangat berpasukan dalam organisasi.

Bagi memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR), MyIPO telah melaksanakan dua program kemasyarakatan sepanjang 2010 iaitu Majlis Berbuka Puasa bersama Anak-anak Yatim dan Majlis Korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha. Bagi Majlis Berbuka Puasa bersama Anak-anak Yatim, MyIPO telah meraikan seramai 25 orang anak yatim dari Kampung Nakhoda, Selayang manakala bagi Majlis Korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha, MyIPO telah menyumbang tiga ekor lembu untuk diagihkan kepada orang ramai.

Saya percaya bahawa pemimpin yang mengetuai transformasi seringkali berfikir dan bertindak selangkah ke hadapan dalam memimpin warga kerja. Sumbangan dan dedikasi pasukan yang komited memainkan peranan yang penting dalam membawa kejayaan kepada sesebuah organisasi.

*"Teamwork is the ability to work together towards a common vision. The ability to direct individual accomplishments towards organisational objectives. It is the fuel that allows common people to attain uncommon results."* (Andrew Carnegie, Pengasas, Carnegie Steel Co. 1835-1919).

Saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada *stakeholders*, rakan-rakan strategik dan pelanggan atas kepercayaan yang diberikan kepada MyIPO. Penghargaan tulus ikhlas diucapkan kepada Anggota Perbadanan atas bimbingan mereka dalam mengemudi MyIPO menempuh saat-saat yang mencabar. Kepada pihak Pengurusan dan warga MyIPO, terima kasih atas semangat dan iltizam yang dipamerkan dan atas sikap transformasi yang ditunjukkan.

Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya, kepada pihak media, terima kasih atas sokongan yang diberikan kepada MyIPO kerana terus memberi kepercayaan kepada segala usaha yang kami lakukan.

Selamat maju jaya.

*professional goals. Thus, in 2010, a number of human resource development programmes that applies to the concept of continuous learning were implemented. This is to enhance the knowledge, skills and productivity of MyIPO's workforce.*

*Co-operation and sense of belonging among the employees and management have always been MyIPO's priority. In this regard, several activities were organised such as Sports and Welfare Club, Monthly Assembly, Joint Departmental Council and recitals of Yassin and Tahlil in conjunction with the month of Ramadhan. The purpose of these activities is to strengthen cooperation and to enhance teamwork spirit.*

*To fulfil corporate's social responsibility (CSR), MyIPO has organised two social programmes throughout 2010 namely Ramadhan Breaking Fast with Orphans and Majlis Korban in conjunction with Hari Raya Aidiladha Celebration. In conjunction with Ramadhan Breaking Fast, 25 orphans from Kamung Nakhoda, Selayang were also treated while for Majlis Korban in conjunction with Hari Raya Aidiladha Celebration, MyIPO had contributed three cattle for distribution to the community.*

*I believe that leaders who lead transformation often think ahead and will be one step ahead in leading their subordinates. It is with the contributions and dedication of a committed team that an organisation can advance to a greater success.*

*"Teamwork is the ability to work together towards a common vision. The ability to direct individual accomplishments towards organisational objectives. It is the fuel that allows common people to attain uncommon results."( Andrew Carnegie, Founder of Carnegie Steel Co. 1835-1919).*

*I would like to express my gratitude to our stakeholders, strategic partners and customers for having faith in MyIPO. It is my heartfelt appreciation to the Members of Corporation for their guidance in times where MyIPO were facing challenges. As for the Management and MyIPO staff, thank you for your passion and commitment and the transformation to the positive attitudes.*

*Last but not least, I would like to thank the media for their countless support to MyIPO and continuous faith in our efforts.*

*Have a great year ahead.*



**YB DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL**
Pengerusi, Perbadanan Harta Intelek Malaysia
*Chairman, Intellectual Property Corporation of Malaysia*

2010

# Perutusan Ketua Pengarah
# *Director General's Message*



**YBhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin**

Ketua Pengarah
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

*Director General*
*Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO)*

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia,

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan izinNya maka MyIPO dapat menerbitkan Laporan Tahunannya bagi tahun 2010.

Pada 2010, MyIPO meneruskan program kesedaran harta intelek dalam mencapai matlamat organisasi dan meningkatkan kefahaman orang awam mengenai kepentingan perlindungan hak harta intelek mereka. Sehubungan itu, MyIPO telah mengambil inisiatif baru untuk mendekati belia dan pengguna rangkaian media sosial melalui Facebook, Twitter dan YouTube sebagai medium alternatif penyebaran maklumat mengenai harta intelek.

Program kesedaran tersebut tidak hanya memberi fokus dalam mendidik orang awam, tetapi juga memupuk rasa hormat terhadap hak harta intelek dalam memperkasa dan menyemai inovasi dan kreativiti. Ini seterusnya, menggalakkan mereka menghasilkan harta intelek dan melindunginya melalui pendaftaran untuk mengelakkan daripada berlakunya pelanggaran hak harta intelek.

MyIPO telah meningkatkan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam usaha menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan. Sistem PANTAS *Online* telah dinaiktaraf kepada Sistem *IP Online* yang menawarkan perkhidmatan carian dan pemfailan atas talian bagi cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi kepada orang awam.

Sebagai usaha untuk mempercepatkan proses pendaftaran cap dagangan dan petunjuk geografi, MyIPO telah membangunkan Sistem Integrasi Cap Dagangan (ITMS). Sistem ini menyediakan sokongan pentadbiran untuk pemeriksa-pemeriksa cap dagangan dan petunjuk geografi.

MyIPO telah mensasarkan pengurangan tempoh *pendency* bagi memproses permohonan paten, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian. Pada 2010, tempoh *pendency* bagi

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam 1Malaysia,*

*Alhamdulillah, all thanks to Allah SWT for it is with His Mercy that MyIPO could publish its 2010 Annual Report.*

*In 2010, MyIPO continued its intellectual property awareness programmes to achieve its organisational goals and to enhance the public understanding on the importance of protecting their intellectual property rights. MyIPO therefore, has taken new initiatives in reaching out to youth and social network media users via Facebook, Twitter and YouTube as alternative mediums to disseminate information on intellectual property.*

*The awareness programmes are not solely focused on educating the public, but also aimed to instil respect for intellectual property rights in empowering and inculcating innovation and creativity. This will encourage them to produce and protect intellectual property through registration as well as to avoid intellectual property rights infringement.*

*MyIPO has upgraded its information and communications technology (ICT) infrastructure to improve its service delivery system. The upgrading of its PANTAS Online to IP Online System offers the public online search and filing services for trade marks, patents, industrial designs and geographical indications.*

*In order to expedite trade marks and geographical indications registration process, MyIPO has further developed the Integrated Trade Mark System (ITMS). This system provides administrative assistance for the examiners of trade marks and geographical indications.*

*MyIPO aims to reduce the pendency period for processing patents, trade marks and industrial designs applications. In 2010, MyIPO succeeded in reducing the pendency period for*

paten telah berjaya dikurangkan kepada 38 bulan (2009:43 bulan). Manakala tempoh *pendency* bagi cap dagangan masih kekal dengan 18 hingga 24 bulan. Bagi reka bentuk perindustrian pula, tempoh *pendency* telah dikurangkan kepada 8 bulan (2009:9 bulan).

Sejajar dengan pelan pembangunan, MyIPO telah berpindah dari Menara Dayabumi ke Menara UOA Bangsar pada November 2010. Lokasi pejabat baru ini adalah strategik dan mudah diakses melalui pengangkutan awam. Pejabat baru ini turut menempatkan Pusat Latihan Harta Intelek (IPTC) yang dilengkapi dengan prasarana yang lebih komprehensif untuk memenuhi keperluan program bina upaya seperti seminar, latihan dan bengkel. Pihak pengurusan MyIPO percaya dengan adanya persekitaran kerja yang kondusif dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan warga kerja. MyIPO berpegang teguh kepada prinsip bahawa kekuatan organisasi ini adalah bergantung kepada kualiti warga kerjanya.

Sehubungan itu, MyIPO sentiasa menitikberatkan pengambilan modal insan yang terbaik dari segi kelayakan, kemahiran dan kesesuaian, sejajar dengan integriti dan akauntabiliti. Sebagai satu pasukan, MyIPO akan terus fokus untuk membangunkan modal insan dalam memastikan setiap peluang yang ada digunakan sebaik mungkin untuk menyerlahkan potensi mereka ke arah mencapai visi dan misi MyIPO.

Saya berharap untuk bekerjasama dengan lebih erat dengan semua *stakeholders* dalam memastikan MyIPO dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam persekitaran harta intelek yang sentiasa berubah. Saya yakin *stakeholders* akan terus memberi sokongan yang padu kepada pihak pengurusan dalam menerajui ke arah kemajuan organisasi ini di masa hadapan.

Sekalung penghargaan buat warga MyIPO dan diharapkan semangat dedikasi yang diberi akan dapat diteruskan untuk membawa MyIPO ke peringkat yang lebih tinggi.

Akhir kata, semoga Laporan Tahunan ini dapat memberi gambaran kepada pencapaian MyIPO sepanjang tahun 2010. MyIPO akan meneruskan usaha dengan lebih gigih dan bekerjasama rapat dengan komuniti harta intelek serantau dan antarabangsa untuk bersama-sama memperkukuhkan sistem perlindungan harta intelek.

Sekian, terima kasih.

*patents to 38 months (2009:43 months), while trade marks pendency period remained in the range of 18 to 24 months. The pendency period for industrial designs registrations had been reduced to 8 months (2009: 9 months).*

*In line with its expansion plan, MyIPO has moved from Menara Dayabumi to its new office at Menara UOA Bangsar in November 2010. The new office is strategically located and can be easily accessible by public transportations. It houses the Intellectual Property Training Centre (IPTC) furnished with comprehensive facilities to cater to the needs of capacity building programmes such as seminars, trainings and workshops. The management of MyIPO believes that a conducive working environment can propel the productivity and efficiency of the staff. MyIPO strongly holds on to the belief that the organisational strength fundamentally lies in the quality of its workforce.*

*Hence, MyIPO emphasises on recruiting the best talents in terms of qualification, skills and suitability, in line with integrity and accountability. Working as a team, MyIPO will continue to focus on developing human capital and ensuring that each available opportunity will be used wisely to highlight their potential, towards achieving MyIPO's vision and mission.*

*I look forward to working more closely with stakeholders in ensuring that MyIPO be able to meet the growing demand in the rapidly changing intellectual property environment. I am confident that the stakeholders will continue to provide strong support to the management in steering success of the organisation in future.*

*My sincere acknowledgements to MyIPO's staff and it is hoped that the dedication given will be continued in future to elevate MyIPO to a higher level.*

*Finally, may this Annual Report portrays MyIPO's achievements throughout 2010. MyIPO will continue to work hard and cooperate closely with the regional and international community in developing global intellectual property system.*

*Thank you.*



**DATO' AZIZAN BIN MOHAMAD SIDIN**
Ketua Pengarah, Perbadanan Harta Intelek Malaysia
*Director General, Intellectual Property Corporation of Malaysia*


DAUD

# Anggota Perbadanan
## *Members of the Corporation*



2010



## YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail

Pengerusi
Tempoh Lantikan: 1 Julai 2010 - 30 Jun 2012

*Chairman*
*Term of Office: 1 July 2010 - 30 June 2012*

YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail telah dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Julai 2010 hingga 30 Jun 2012.

Beliau adalah Ahli Parlimen bagi kawasan Paya Besar, Kuantan, Pahang. Beliau juga merupakan Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian dan Pengerusi Majlis Perunding Koperasi bagi Parlimen Paya Besar.

Sebelum menyertai MyIPO, beliau merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pahang dari 2004 hingga 2008 dan beliau juga merupakan bekas Setiausaha Sulit Khas selama 18 tahun (1986-2004) kepada YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang pada ketika itu merupakan Menteri di Kementerian Pertahanan, Menteri di Kementerian Pendidikan dan Menteri di Kementerian Belia dan Sukan.

Selain itu, YB juga pernah melibatkan diri di dalam pertubuhan sukarela. Beliau adalah Pengerusi Gerakan Belia 4B(M) Kawasan Paya Besar (1994-2007), Pengerusi Gerakan Belia 4B(M) Negeri Pahang (1998-2007), Naib Pengerusi Kelab Motor Negeri Pahang (2006-2008) dan Timbalan Pengerusi Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Negeri Pahang (2006-2008). Beliau berpegang teguh kepada misi dalam membangunkan kepimpinan generasi muda sebagai pemimpin masa hadapan Malaysia.

*YB Dato' Haji Abdul Manan was appointed as Chairman of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 July 2010 until 30 June 2012.*

*He is a Member of Parliament for Paya Besar constituency, Kuantan, Pahang. He is also a Chairman of Agricultural Development Council and Consultative Council of Co-operatives for the Paya Besar constituency.*

*Prior to joining MyIPO, he was a member of Pahang State Assembly from 2004 to 2008 and he was also the former Special Private Secretary to YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak for 18 years (1986-2004) who was then the Minister of Defence, Minister of Education, and Minister of Youth and Sports.*

*In addition, he has also participated in numerous charity organisations. He served as the Chairman of Paya Besar Youth Movement 4B(M) (1994-2007), Pahang Youth Movement 4B(M) (1998-2007), Vice Chairman of Pahang State Motor Club (2006-2008), and Vice Chairman of Pahang State Anti-Drug Association of Malaysia (PEMADAM) (2006-2008). He embraced the mission of developing the youths' leadership skills as the future leaders in Malaysia.*



## YBhg Dato' Daud bin Tahir

Anggota Perbadanan
Tempoh Lantikan: 1 Julai 2010 – 30 Jun 2012

*Member of Corporation*
*Term of Office: 1 July 2010 - 30 June 2012*

YBhg Dato' Daud bin Tahir telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Julai 2010 hingga 30 Jun 2012.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang *Agribusiness* dari Universiti Pertanian Malaysia dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Dubuque, Amerika Syarikat.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan kewangan dan belanjawan; pernah menyandang jawatan kanan di dalam sektor awam dan swasta termasuklah Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan KL International Airport Berhad. Dari tahun 2001 hingga 2005 beliau merupakan Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah sebelum dinaikkan pangkat kepada Timbalan Pengarah Belanjawan, Sektor Keselamatan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam di Kementerian Kewangan.

Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS).

*Dato' Daud bin Tahir was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 July 2010 until 30 June 2012.*

*He holds a Bachelor of Science in Agribusiness from Universiti Pertanian Malaysia and a Masters in Business Administration from University of Dubuque, USA.*

*He has extensive experience in financial and budget management and has held several senior positions both in private and government sectors, such as Ministry of International Trade and Industry (MITI), National Institute of Public Administration (INTAN) and KL International Airport Berhad. From 2001 to 2005 he was a Federal Financial Officer for Sabah and later promoted to Deputy Director Budgetary, Safety, Infrastructure and Public Amenity Sector in Ministry of Finance.*

*He is currently the Deputy Secretary-General (Domestic Trade), Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (MDTCC).*

*He also sits on the boards of Bank Rakyat and Perbadanan Nasional Berhad (PNS).*

# 2010



## Puan Norsimah binti Ab Wahab

Anggota Perbadanan
Tempoh Lantikan: 1 September 2008 – 30 Jun 2012

*Member of Corporation*
*Term of Office: 1 September 2008 - 30 June 2012*

Puan Norsimah binti Ab Wahab telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 September 2008 hingga 31 Ogos 2010, kemudian dilantik semula bagi tempoh dua tahun sehingga 30 Jun 2012.

Beliau memiliki Diploma Pentadbiran dari Institut Tadbiran Awam Negara, Malaysia (INTAN) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi dari Universiti Sains Malaysia.

Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Audit, Ahli Jawatankuasa Kontrak dan Tender dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurusan Risiko MyIPO.

Beliau kini merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian Operasi II, Bahagian Perolehan Kerajaan di Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) dan Kementerian Kerja Raya serta Ahli Jawatankuasa Perolehan 'A' di Syarikat Prasarana Negara Berhad (PRASARANA).

*Puan Norsimah binti Ab Wahab was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 September 2008 until 31 August 2010 and has been reappointed for another two years until 30 June 2012.*

*She holds a Diploma in Administration from National Institute of Public Administration of Malaysia (INTAN) and Bachelor of Science (Hons.) in Biology from Universiti Sains Malaysia.*

*She is the Member of Audit Committee, Member of the Contract and Tender Committee and Risk Management and Investment Committee for MyIPO.*

*She is currently the Deputy Under-Secretary Operations Division II, Government Procurement Division in Ministry of Finance. She also sits on the boards of Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) and Ministry of Works, and Committee Member of Procurement 'A' at Syarikat Prasarana Negara Berhad (PRASARANA).*



## YBhg Datin Nur Wahidah Wong binti Abdullah

Anggota Perbadanan
Tempoh Lantikan: 15 Julai 2008 – 30 Jun 2012

*Member of Corporation*
*Term of Office: 15 July 2008 - 30 June 2012*

YBhg Datin Nur Wahidah Wong binti Abdullah telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 15 Julai 2008 hingga 14 Julai 2010, kemudian dilantik semula bagi tempoh dua tahun sehingga 30 Jun 2012.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Pengajian Asia Tenggara dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Tanah dari Universiti Putra Malaysia.

Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Audit, Ahli Jawatankuasa Kontrak dan Tender, dan Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan MyIPO.

Beliau kini merupakan Setiausaha Bahagian Inovasi dan Pengkomersilan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

*Datin Nur Wahidah Wong binti Abdullah was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 15 July 2008 until 14 July 2010 and has been reappointed for another two years, until 30 June 2012.*

*She holds a Bachelor of Arts (Hons.) in South East Asia Studies from University of Malaya and Masters of Land Resource Management from Universiti Putra Malaysia.*

*She is also a Member of Audit Committee, Contract and Tender Committee, and Nomination and Remuneration Committee of MyIPO.*

*She is currently the Under Secretary of Innovation and Commercialisation Division in Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).*

# 2010



## YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri

Anggota Perbadanan
Tempoh Lantikan: 1 Julai 2008 – 30 Jun 2012

*Member of Corporation*
*Term of Office: 1 Julai 2008 - 30 June 2012*

YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Julai 2008 hingga 30 Jun 2010, kemudian dilantik semula bagi tempoh 2 tahun sehingga 30 Jun 2012.

Beliau memiliki Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Teknologi Mara (ITM), Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari University of Hull, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Eksekutif Pentadbiran Perniagaan dari University of Ohio (Anugerah dengan Kepujian Beta Gamma Sigma).

Beliau adalah Ahli Parlimen bagi kawasan Batang Sadong, Sarawak dan merupakan Pengerusi Arkib Malaysia dan juga Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Di MyIPO pula, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan, Ahli Jawatankuasa Audit dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurusan Risiko MyIPO.

Dari 1992 hingga 2003, beliau pernah menjadi Penasihat Undang-Undang bagi Dewan Bandaraya Kuching Utara.

Antara jawatan yang beliau pegang dalam arena politik adalah seperti berikut:

- Penolong Setiausaha Agung Parti Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak;
- Setiausaha Agung Pergerakan Wanita PBB Sarawak;
- Ahli Jawatankuasa *International Parliamentary Union* (IPU);
- Ahli *ASEAN Inter Parliamentary Association*; dan
- Ahli *Commonwealth Parliamentary Association*.

Bagi mengiktiraf sumbangan beliau kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Kokus Ahli Parlimen Wanita Malaysia oleh Parlimen dan Pengerusi Negeri Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak.

*YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 July 2008 until 30 June 2010 and has been reappointed for another two years, until 30 June 2012.*

*She holds a Diploma in Public Administration from Institute Teknologi Mara (ITM), Bachelor of Law (Hons.) from University of Hull, United Kingdom and an Executive Masters in Business Administration from University of UiTM/Ohio (Beta Gamma Sigma Honorary Award).*

*Currently she is a Member of Parliament for Batang Sadong, Sarawak. She also holds the position as the Chairman of National Archives Malaysia and Chairman for Forest Research Institute Malaysia.*

*At MyIPO, she is the Chairman of Nomination and Remuneration Committee, Member of Audit Committee and Risk Management and Investment Committee of MyIPO.*

*From 1992 to 2003, she has served as the Legal Advisor for Dewan Bandaraya Kuching Utara.*

*Among the political positions that she currently holds are as follow:*

- *Assistant Secretary General, Parti Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak;*
- *Secretary General of PBB Sarawak Women's Wings;*
- *Committee Member of International Parliamentary Union (IPU);*
- *Member of ASEAN Inter Parliamentary Association; and*
- *Member of the Commonwealth Parliamentary Association.*

*To recognize her contributions to the Non-Governmental Organizations (NGOs), she had been appointed as a Chairperson of the Women Parliamentary Caucus Malaysia by Parliament and Chairman for the Sarawak Federation of Women's Institute.*



## YBhg Dato' Amdan bin Mat Din

Anggota Perbadanan
Tempoh Lantikan: 1 Julai 2010 – 30 Jun 2012

*Member of Corporation*
*Term of Office: 1 July 2010 - 30 June 2012*

YBhg Dato' Amdan bin Mat Din telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Julai 2010 hingga 30 Jun 2012.

Beliau mempunyai 30 tahun pengalaman dalam sektor swasta dan awam; 13 tahun di sektor awam dalam bidang Perundangan dan Kehakiman dan 17 tahun dalam sektor swasta.

Beliau mendapat pendedahan yang luas di peringkat antarabangsa apabila mewakili Malaysia di dalam rundingan pelbagai hala dalam undang-undang antarabangsa alam sekitar dan pembangunan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan agensi-agensinya. Beliau turut bertindak sebagai perunding merangkap penasihat undang-undang mengenai isu-isu seperti alam sekitar dan pembangunan di Konvensyen Perubahan Iklim dan Kepelbagaian Biologi di persidangan-persidangan peringkat tertinggi PBB di New York, Washington, Geneva, Nairobi, Madrid dan Beijing. Beliau juga memainkan peranan utama sebagai ahli jawatankuasa penggubalan Deklarasi Rio 1992 dan membantu menyiapkan Agenda 21 (pelan inisiatif pasca Rio berkaitan alam sekitar dan pembangunan PBB).

Pengalaman dan pendedahan yang diperolehi di PBB telah membantu beliau memperbaiki kemahiran rundingan pelbagai hala serta kemahiran komunikasi yang dapat digunakan dalam membantu mewujudkan dan membantu syarikat-syarikat tempatan mencapai tahap dunia. Ianya juga telah mendedahkan beliau kepada pengalaman kerja di persekitaran pelbagai budaya.

Sepanjang 17 tahun berkhidmat di sektor swasta, beliau telah menerajui jabatan undang-undang, kesetiausahaan syarikat, hal ehwal korporat, komunikasi korporat dan sumber manusia serta program-program tanggungjawab sosial korporat bagi dua syarikat terkemuka tempatan iaitu Maxis Communications Berhad (12 tahun) dan Ranhill Berhad (5 tahun). Sebagai ahli kumpulan pengurusan kanan, beliau memainkan peranan penting dalam merancang pelan strategik syarikat-syarikat tersebut dalam bidang perniagaan dan bidang-bidang lain.

*Dato' Amdan bin Mat Din was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 July 2010 until 30 June 2012.*

*He has 30 years of experience in the public and private sectors. His wealth of experience includes 13 years in the public sector on the Judicial and Legal services and 17 years in the private sector.*

*He gained wide international exposures when he represented Malaysia in multilateral negotiations for the areas of international environmental law and development under the auspices of the United Nations (UN) and its agencies. He served as a negotiator-cum-legal advisor on issues such as the environment and development at the Climate Change and Biological Diversity Conventions at high-level UN conferences in New York, Washington, Geneva, Nairobi, Madrid and Beijing. He played a key role as a member of the drafting committee of the Rio Declaration 1992 and helped to finalise Agenda 21 (the post-Rio roadmap for environmental and developmental initiatives by the UN).*

*These experiences and exposures have given him a global perspective outlook and helped him hone multilateral negotiation and communication skills, which were put to good use in helping create and drive world-class Malaysian companies. This has also exposed him to a multicultural working environment.*

*Over a span of 17 years in the private sector, he had set up and drives the legal, company secretarial, corporate affairs, corporate communications and human resource departments as well as the corporate social responsibility programmes for two major Malaysian companies i.e. Maxis Communications Berhad (12 years) and Ranhill Berhad (5 years). As a member of the senior management team, he played an important role in planning the strategic direction of these companies in both business and non-business areas.*

# 2010



## Encik Desmond Wee Tian Peng

Anggota Perbadanan
Tempoh Lantikan: 1 Julai 2010 – 30 Jun 2012

*Member of Corporation*
*Term of Office: 1 July 2010 - 30 June 2012*

Encik Desmond Wee Tian Peng telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2012.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan *Masters of Business Administration* dari University of Surrey, London.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai peguambela dan peguamcara di Malaysia pada tahun 1985 sebelum mengusahakan firma guamannya sendiri khusus dalam bidang Harta Intelek pada tahun 2000.

Beliau merupakan Ahli Majlis Peguam *Intellectual Property Committee* pada tahun 2002 dan Ahli *Asia Patent Attorney Association* (APAA) pada tahun 2004. Beliau juga merupakan Presiden *Malaysia Intellectual Property Association* (MIPA) bagi tempoh Julai 2008 hingga Jun 2010.

*Desmond Wee Tian Peng was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 January 2010 until 31 December 2012.*

*He earned his Bachelor Degree of Laws (LLB Hons.) from Universiti Malaya and Masters of Business Administration from University of Surrey, London.*

*He started his career as an advocate and solicitor for the High Court of Malaya in 1985 before starting his own legal practice in the field of intellectual property in 2000.*

*He was a former member of the Bar Council Intellectual Property Committee in 2002 and a member of Asian Patent Attorney Association (APAA) in 2004. He was also the President of Malaysian Intellectual Property Association (MIPA) for the term July 2008 to June 2010.*



## YBhg Datuk Seri Panglima Mohd Salleh bin Tun Said Keruak

Anggota Perbadanan
Tempoh Lantikan: 1 Oktober 2010 – 27 Januari 2011

*Member of Corporation*
*Term of Office: 1 October 2010 - 27 January 2011*

YBhg Datuk Seri Panglima Mohd Salleh bin Tun Said Keruak telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Oktober 2010 hingga 27 Januari 2011.

Beliau mempunyai kelulusan *Bachelor of Arts (Political Science)* dari Universiti Simon Fraser, Canada. Beliau juga merupakan pemegang Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Politik dan Kerajaan dari Universiti Putra Malaysia.

Beliau berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam dan pernah menjawat jawatan seperti berikut:

- Pegawai Daerah Kota Belud (1984-1985)
- Setiausaha Politik (1 Januari 1985-15 Mac 1985)
- Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah (1 Ogos 1990-23 April 1991 dan 19 Februari 1994-4 Mac 2004)
- Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan Sabah (19 Februari 1994-26 Disember 1994)
- Ketua Menteri Sabah (27 Disember 1994-28 Mei 1995)
- Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah (27 Mac 2001-4 Mac 2004)

Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia untuk tempoh 2 tahun (Ogos 2008-Ogos 2009), Timbalan Presiden Majlis Belia Malaysia dan Timbalan Presiden Sanya selama 2 tahun (1987-1988). Selain itu, beliau juga merupakan Presiden Persatuan Seni Budaya Bajau (PSBB) selama 5 tahun (1989-1994). Beliau turut terlibat secara aktif dalam *United Sabah Bajau Organisation*.

Beliau kini merupakan Penasihat Sains kepada Ketua Menteri Sabah.

*Datuk Seri Panglima Mohd Salleh bin Tun Said Keruak was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 October 2010 to 27 January 2011.*

*He holds a Bachelor of Arts (Political Science) from Simon Fraser University, Canada and a Masters Degree in Political Science and Government from Universiti Putra Malaysia.*

*Among his vast experience in the government's position are as follows:*

- *District Officer of Kota Belud (1984-1985)*
- *Political Secretary member of the State Legislative Assembly (1 Januari 1985-15 Mac 1985)*
- *Deputy Chief Minister and Finance Minister of Sabah (1 Ogos 1990-23 April 1991 and 19 Februari 1994-4 Mac 2004)*
- *Chief Minister of Sabah (27 Disember 1994-28 Mei 1995)*
- *Minister of Local Government and Housing Department of Sabah (27 Mac 2001-4 Mac 2004)*

*He was also appointed as the Chairman of the Malaysian Handicraft Development Corporation for a period of 2 years (August 2008-August 2009), Vice President of the Malaysian Youth Council and Vice President of Sanya for the term of 2 years (1987-1988). In addition, he was the President of the Bajau Arts and Culture Association (PSBB) for 5 years (1989-1994). He also actively participates in the United Sabah Bajau Organisation.*

*He is currently the Science Advisor to the Chief Minister of Sabah.*

# 2010



## YBhg Dato’ Azizan bin Mohamad Sidin

Ketua Pengarah / Anggota Perbadanan
*Director General / Member of Corporation*

YBhg Dato’ Azizan bin Mohamad Sidin telah dilantik sebagai Ketua Pengarah dan Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 1 Julai 2010.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Agribisnes) dari Universiti Pertanian Malaysia dan Ijazah Sarjana Sains (Ekonomi) dari Universiti Arkansas, Amerika Syarikat. Berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan pengurusan organisasi, beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Pemasaran di Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia pada 1984 sebelum dilantik menjadi Penolong Setiausaha di Kementerian Perusahaan Utama pada 1988.

Beliau kemudiannya meneruskan kerjaya sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 1994 dan kemudiannya menjadi Ketua Penolong Pengarah di Seksyen Penswastaan dan Ekonomi, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 2000.

Beliau dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang pada 1 November 2005 sebelum meneruskan kerjaya beliau di MyIPO.

Di MyIPO, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Kontrak dan Tender, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pelaburan, dan Jawatankuasa Pengimbuhan dan Penamaan.

*Dato’ Azizan bin Mohamad Sidin was appointed as Director General and Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 1 July 2010.*

*He earned his Bachelor Degree of Science (Agribusiness) from University Pertanian Malaysia and Masters of Science (Economics) from University of Arkansas, USA. His extensive experience in administering and managing of an organization has made him a household name in civil service. Started his career as Marketing Executive at Malaysian Timber Industry Board in 1984 before he was appointed as an Assistant Secretary at Ministry of Primary Industries in 1988.*

*He was later appointed as an Assistant Director at Economic Planning Unit at the Prime Minister’s Department in 1994 and as Principal Assistant Director at Privatisation and Economic Section, Office of the Secretary to Selangor Government in 2000.*

*He was appointed as Council President of Sepang Municipal Council on 1 November 2005 before commencing his career at MyIPO.*

*At MyIPO, he is the Member of Contract and Tender Committee, Risk Management and Investment Committee, and Nomination and Remuneration Committee.*





# Kumpulan Pengurusan
# *Management Team*





**Mohd Shahar Osman**

Timbalan Ketua Pengarah (Korporat)
*Deputy Director General (Corporate)*

**Dato' Azizan Mohamad Sidin**

Ketua Pengarah
*Director General*

**Shamsiah Kamaruddin**

Timbalan Ketua Pengarah (Harta Industri)
*Deputy Director General (Industrial Property)*



**Siti Eaisah Mohamad**
Pengarah Bahagian Perancangan dan Khidmat Korporat
*Director of Planning and Corporate Services Division*

**Zulkarnain Muhammad**
Ketua Seksyen Pemeriksaan Paten - Kejuruteraan
*Head of Patent Examination Section - Engineering*

**Abdul Aziz Ismail**
Ketua Bahagian Cap Dagangan
*Head of Trade Mark Division*

**Mohd Faiizudin Mohd Sharuji**
Pengarah Bahagian Reka Bentuk Perindustrian
*Director of Industrial Designs Division*



**Nor Hisham Ghazali**
Pengarah Seksyen Pentadbiran dan Sumber Manusia
*Director of Administration and Human Resource Section*

**Nur Azrina Aziz**
Juruaudit Dalam
*Internal Auditor*

**Izam Ismail**
Ketua Akauntan
*Chief Accountant*

**Kamal Kormin**
Ketua Seksyen Pemeriksaan Paten - Sains Gunaan
*Head of Patent Examination Section - Applied Science*

**Mohd. Irwan Mohd. Khalil**
Koordinator IPTC
*IPTC Coordinator*

**Sharifah Nadiah Syed Sheikh**
Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat
*Manager of Information Technology Division*



**Jamilah Kamaruddin**
Pegawai Perhubungan Awam
*Public Relations Officer*

**Kuljit Singh Ojagar Singh**
Pegawai Pendaftaran & Pentadbiran
*Registration & Administration Officer*

**Rashidah Ridha Sheikh Khalid**
Penasihat Undang-Undang
*Legal Advisor*

**Hani Syamira Abdul Hamid**
Setiausaha Perbadanan
*Corporation Secretary*

**Yusnieza Syarmila Yusof**
Ketua Cawangan Sabah
*Head of Sabah Branch*

**Atek Sanggeng**
Ketua Cawangan Sarawak
*Head of Sarawak Branch*


ISMAIL SABRI
MUHYIDDIN

# Peristiwa Penting 2010
## *2010 Key Events*

Harta intelek adalah aset negara yang amat berharga dan merupakan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sebagai pusat rujukan harta intelek, MyIPO telah menerima beberapa siri lawatan kerja dari beberapa negara sepanjang tahun 2010. Melalui lawatan kerja ini, banyak pengalaman dan pendedahan baru dapat dikongsikan dan seterusnya dapat menambahbaik prestasi sistem penyampaian perkhidmatan.

*Intellectual property is a valuable national asset and a contributor to Malaysia's economic growth. As a focal point of intellectual property, MyIPO has received series of working visits from several countries throughout 2010. These visits enable an exchange of experiences and new exposures as well as to enhance service delivery system.*

# Peristiwa Penting 2010
# *Key Events of 2010*




## Januari

**13 Jan**
Lawatan kerja daripada Delegasi Brunei
*Working visit by Brunei Delegation*

**28 Jan**
Lawatan kerja daripada Delegasi Afrika Selatan
*Working visit by South African Delegation*

## Februari

**22-26 Feb**
*WIPO / Sweden / Follow-up of the Advanced Course on Copyright and Related Rights in the Global Economy*

## Mac

**15-18 Mac**
Latihan EPOQUE.Net
*EPOQUE. Net Training*

## April

**26 Apr**
Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2010 & pelancaran profil Facebook, Twitter dan YouTube MyIPO
*2010 IP Day Celebration and the launching of MyIPO's Facebook, Twitter and YouTube profiles*

## Mei

**3 Mei**
Majlis Dialog antara YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan Pencipta dan Pelaku Karya Seni dan Muzik
*Dialogue between YB Minister of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism with Authors and Song Writers*

**5 Mei**
Lawatan kerja daripada Japan Patent Office
*Working visit by Japan Patent Office*

**26 Mei**
Lawatan kerja daripada Korea Copyright Commission
*Working visit by Korea Copyright Commission*

## Jun

**10 Jun**
Lawatan kerja daripada Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu
*Working visit by Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu*

**22 Jun**
Lawatan kerja daripada Jabatan Peguam Negara Brunei
*Working visit by Attorney General's Chamber of Brunei*

**30 Jun**
Kursus Harta Intelek bersama Jabatan Ketua Menteri Sarawak
*IP Course with Sarawak's Chief Minister Department*

# Peristiwa Penting 2010
## *Key Events of 2010*




## Julai

**1-4 Jul**
Latihan Harta Intelek dengan Hakim, Peguam dan Pegawai Penguatkuasa Malaysia
*Intellectual Property Training for The Judges, Lawyers and Enforcement of Malaysia*

**15 Jul**
Seminar on Intellectual Property Awareness for University Community and Empowering SMEs Through Intellectual Property

**20 Jul**
Lawatan kerja daripada Duta Ecuador, Mexico dan Brazil
*Working visit by Ambassador of Ecuador, Mexico and Brazil*

## Ogos

**3 Ogos**
*ASEAN IP Management and Technology Commercialization Workshop*

**5 Ogos**
Bengkel Hakcipta Malaysia
*Malaysian Copyright Workshop*

**6 Ogos**
Seminar Harta Intelek peringkat Negeri Johor
*Johor State Level IP Awareness Seminar*

**10 Ogos**
Majlis Penyerahan Cek P. Ramlee
*P. Ramlee Cheque Presentation Ceremony*

## September

**3 Sept**
Majlis Berbuka Puasa Bersama YB Menteri
*Ramadhan Breaking Fast with YB Minister*

**27 Sept**
Seminar Harta Intelek Peringkat Negeri Melaka
*Malacca State Level IP Awareness Seminar*

## Oktober

**7 Okt**
Sambutan Hari Raya Bersama YB Menteri
*Aidilfitri Celebration with YB Minister*

**7-10 Okt**
Seminar Harta Intelek Peringkat Zon Timur
*East Region Level IP Awareness Seminar*

**21 Okt**
*Seminar 'Series on Online Presence : Your Gateway to Success'*

## November

**15 Nov**
Pelancaran Pertandingan Paten *"Innovative Solutions for Everyday Life"*
*Launching of Patent Competition "Innovative Solutions for Everyday Life"*

**22-26 Nov**
Bengkel Pendrafan Paten
*Patent Drafting Workshop*

## Disember

**2 Dis**
Seminar Harta Intelek Peringkat Negeri Sarawak
*Sarawak State Level IP Awareness Seminar*

**13-17 Dis**
*Training on Patent Law and Practice for Patent Examiners*



poration of Malaysia
ncing competitiveness
MyIPO
Perbadanan Harta Intelek Malaysia
www.myipo.gov.my
"Pakcik pun dah daftar..."
PENGETAHUAN TRADISI
REKA BENTUK SUSU
LITAR BERSEPADU
HAKCIPT

# Dinamik Harta Intelek Malaysia
## *Malaysian Intellectual Property Dynamics*

Peranan utama MyIPO adalah untuk membangun dan mentadbir sistem perlindungan harta intelek negara, menyebar maklumat serta mengadakan program-program kesedaran awam mengenai harta intelek.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah pendaftaran harta intelek; khidmat nasihat dan perundingan; maklumat dan statistik mengenai harta intelek; menganjurkan program latihan dan kempen kesedaran awam; mengadakan peperiksaan ejen paten; serta menyediakan perkhidmatan atas talian bagi carian, pemfailan dan semakan status permohonan.

*MyIPO plays a major role in developing and administering the country's intellectual property protection system, disseminating information and conducting public awareness programmes on intellectual property.*

*Among services provided are the intellectual property registration, advisory and consultancy, information and statistics on intellectual property, organise training programmes and public awareness campaigns, patent agent examination, as well as online search, filing and checking application status.*

# Inisiatif Baru
# *New Initiatives*

## Semakan Undang-Undang Harta Intelek

Selaras dengan perkembangan semasa dan bagi memperkemaskan prosedur pendaftaran paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan hakcipta, MyIPO sedang menyemak Akta Hakcipta, Akta Reka Bentuk Perindustrian Akta Paten dan Akta Cap Dagangan. Beberapa siri perbincangan bersama *stakeholders* telah diadakan bagi meneliti semua cadangan dan maklumbalas mengenai pindaan akta-akta tersebut.

## *Review on Intellectual Property Legislations*

*In line with the current development and to streamline the patents, trade marks, industrial designs and copyright registration procedures, MyIPO is reviewing the Copyright Act, Industrial Designs Act, Patents Act and Trade Marks Act. Series of discussion with the stakeholders have been organised to review the proposals and feedbacks on the amendments of the acts.*

## Pengurangan Tempoh *Pendency* Pemprosesan Permohonan Harta Intelek

Bagi mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif dan untuk meningkatkan keyakinan pelabur, regim harta intelek telah melalui beberapa proses penambahbaikan. Antaranya adalah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan dan pembangunan kepakaran dan kapasiti pegawai pemeriksa serta ejen harta intelek.

Sehubungan itu, MyIPO mensasarkan pengurangan tempoh *pendency* bagi pendaftaran paten, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian. ***Pendency*** merujuk kepada tempoh masa dari tarikh pemfailan permohonan baru yang lengkap hingga ke tarikh pendaftaran dan ia hanya tertakluk kepada permohonan *clear-cut case*.

MyIPO juga telah mengambil inisiatif dengan melantik pegawai pemeriksa baru, menaik taraf prasarana teknologi maklumat, menggalakkan perkongsian kerja dan mengadakan program-program latihan untuk pegawai pemeriksa mempertingkatkan kemahiran serta pengetahuan bagi mencapai sasaran pengurangan tempoh *pendency*.

Pada 2010, tempoh pendency bagi paten telah berjaya dikurangkan kepada 38 bulan (2009:43 bulan). Bagi reka bentuk perindustrian pula, tempoh *pendency* telah dikurangkan kepada 8 bulan (2009:9 bulan). Manakala tempoh *pendency* bagi cap dagangan adalah antara 18 hingga 24 bulan (2009:24 bulan).

## *Reduction of Pendency Period for Intellectual Property Application Processing*

*The IP regime has endured several enhancements to increase investors' confidence as well as to create a conducive investment climate. Among the actions taken are the improvement of service delivery system, development of expertise and capacity building of IP examiners and IP agents.*

*Therefore, MyIPO aimed to reduce pendency period for registration of patent, trademark and industrial designs.* ***Pendency*** *refers to the period from the date of filing of the completed new application to the date of grant/registration which is subject to clear-cut case application.*

*MyIPO has also undertaken several initiatives by recruiting new examiners, upgrading the information technology infrastructure, encouraging work sharing and conducting training program to improve examination skills and knowledge in achieving the reduction of pendency period.*

*In 2010, the pendency period for patents was successfully reduced to 38 months (2009:43 months) while industrial designs, the pendency period was reduced to 8 months (2009:9 months). The pendency period for trade marks is between 18 months to 24 months (2009:24 months).*

## Prestasi Permohonan dan Pendaftaran Harta Intelek

## *Performance of Intellectual Property Applications and Registrations*

Perkhidmatan pendaftaran harta intelek melibatkan pendaftaran bagi paten dan perbaharuan utiliti, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi. Manakala bagi hakcipta dan susun atur litar bersepadu pula, tiada pendaftaran diperlukan dan perlindungan diberi secara automatik.

*Intellectual property registration services involve the registration of patents and utility innovations, trade marks, industrial designs and geographical indications. However, no registration is required for copyright and layout-design of integrated circuits whereby the protection is given automatically.*

Harta intelek telah membuka dimensi baru kepada ekonomi dunia. Ia merupakan satu kuasa baru dalam pembangunan ekonomi dan sumber kekayaan. Pada 2010, MyIPO telah mencatat sebanyak RM38,488,641 bagi hasil harta intelek dengan peningkatan 4.9% berbanding 2009 (2009: RM36,683,111).

*Intellectual property has added a new dimension to the world's economy. It is a power tool for economic development and wealth creation. In 2010, MyIPO recorded revenue of RM38,488,641 for intellectual property with an increase of 4.9% as compared to 2009 (2009: RM36,683,111).*

Pendapatan paten menokok 12.9% kepada RM12,154,944 (2009: RM10,766,391). Manakala pendapatan cap dagangan telah meningkat sebanyak 1.8% kepada RM24,450,642 (2009: RM24,023,895). Hasil reka bentuk perindustrian pula telah menyusut sebanyak 0.4% kepada RM1,881,295 (2009: RM1,889,045). Bagi petunjuk geografi pula, pendapatan telah menyusut sebanyak 53.4% kepada RM1,760 (2009: RM3,780).

*The revenue for patent has increased by 12.9% to RM12,154,944 (2009: RM10,766,391). Meanwhile, revenue for trade marks has increased by 1.8% to RM24,450,642 (2009: RM24,023,895). Whilst, the revenue for industrial designs has declined by 0.4% to RM1,881,295 (2009: RM1,889,045). As for geographical indications, revenue has reduced by 53.4% to RM1,760 (2009: RM3,780).*

Kemerosotan hasil reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi adalah kerana kekurangan permintaan pembaharuan sijil reka bentuk perindustrian tahun 2010 sementara kesedaran mengenai petunjuk geografi yang masih berada di tahap yang rendah memyebabkan hasil petunjuk geografi kurang memberansangkan.

*The decline in revenue for industrial designs and geographical indications in 2010 are due to the decline in request of the renewal of industrial design certificates and as for geographical indications, the decline was due to low awareness level which leads to its low application.*

**Jadual 1** menunjukkan hasil harta intelek yang telah direkodkan bagi 2006 hingga 2010.

***Table 1** shows the revenue of intellectual property that has been recorded in 2006 - 2010.*

Jadual 1: Hasil Harta Intelek 2006-2010
*Table 1: Intellectual Property Revenue 2006-2010*

| **Hasil Harta Intelek** *Intellectual Property Revenue* | **2006 RM** | **2007 RM** | **2008 RM** | **2009 RM** | **2010 RM** |
|---|---|---|---|---|---|
| Cap Dagangan *Trade Marks* | 18,545,860 | 21,790,206 | 24,930,074 | 24,023,895 | 24,450,642 |
| Paten *Patents* | 9,841,205 | 9,834,858 | 11,010,855 | 10,766,391 | 12,154,944 |
| Reka Bentuk Perindustrian *Industrial Designs* | 1,627,503 | 1,845,583 | 1,933,645 | 1,889,045 | 1,881,295 |
| Petunjuk Geografi *Geographical Indications* | 0 | 500 | 1,510 | 3,780 | 1,760 |
| **Jumlah** ***Total*** | **30,014,568** | **33,471,147** | **37,876,084** | **36,683,111** | **38,488,641** |

Rajah 1: Hasil Harta Intelek 2006-2010
*Figure 1: Intellectual Property Revenue 2006-2010*




## Paten dan Perbaharuan Utiliti

Sejumlah 6,464 permohonan paten dan perbaharuan utiliti telah difailkan dengan peningkatan sebanyak 12.7% (2009:5,737). Jumlah permohonan tempatan meningkat 3.3% kepada 1,275 (2009:1,234) manakala permohonan dari luar negara meningkat 15.2% kepada 5,189 (2009:4,503).

Sejumlah 2,177 permohonan telah diberikan geran paten dan sijil perbaharuan utiliti, merosot sebanyak 37.2% (2009:3,468). Penurunan ini adalah kerana terdapat permohonan paten yang ditolak disebabkan ianya tidak memenuhi kehendak Akta Paten 1983. Sejumlah 204 geran paten dan sijil perbaharuan utiliti tempatan telah dikeluarkan iaitu merosot 24.4% (2009:270). Manakala 1,973 adalah pemberian geran paten dan sijil perbaharuan utiliti bagi permohonan luar negara, merosot sebanyak 38.3% (2009:3,198).

Perangkaan bagi permohonan dan pemberian geran paten dan perbaharuan utiliti dari 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 2**, **Rajah 2** dan **Rajah 3** manakala bagi sepuluh negara teratas dengan permohonan dan pemberian paten dan perbaharuan utiliti adalah seperti di **Jadual 3** dan **Jadual 4**.

## *Patents and Utility Innovations*

*A total of 6,464 patents and utility innovations applications were filed, an increase of 12.7% (2009:5,737). The number of local applications increased by 3.3% to 1,275 (2009:1,234). While foreign applications increased by 15.2% with 5,189 applications (2009:4,503).*

*A total of 2,177 patents and certificates of utility innovations were granted, a decline of 37.2% (2009:3,468). The decline is due to the patents refusal as the patents are not in compliance with the requirements of the Patents Act 1983. A total of 204 local patents and certificates of utility innovations were granted this year, a decrease of 24.4% (2009:270) while 1,973 foreign patents and utility innovations were granted which shows a decrease of 38.3% (2009:3,198).*

*Statistics on patents and certificates of utility innovations granted from 2006-2010 appear in* ***Table 2****,* ***Figure 2*** *and* ***Figure 3*** *while statistics for top ten countries with highest number of applications and grants of patents and utility innovations appear in* ***Table 3*** *and* ***Table 4****.*

Jadual 2: Permohonan dan Pemberian Paten dan Perbaharuan Utiliti 2006 – 2010
*Table 2: Applications and Granted Patents and Utility Innovations 2006 – 2010*

| Tahun *Year* | Permohonan *Applications* | | | Pendaftaran *Registrations* | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Malaysia | Luar Negara *Foreign* | Jumlah *Total* | Malaysia | Luar Negara *Foreign* | Jumlah *Total* |
| **2006** | 531 | 4,269 | 4,800 | 187 | 6,562 | 6,749 |
| **2007** | 670 | 1,702 | 2,372 | 338 | 6,645 | 6,983 |
| **2008** | 864 | 4,539 | 5,403 | 198 | 2,044 | 2,242 |
| **2009** | 1,234 | 4,503 | 5,737 | 270 | 3,198 | 3,468 |
| **2010** | 1,275 | 5,189 | 6,464 | 204 | 1,973 | 2,177 |

Rajah 2: Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti 2006 – 2010
*Figure 2: Patents and Utility Innovations Applications 2006 – 2010*




Rajah 3: Pemberian Paten dan Perbaharuan Utiliti 2006 – 2010
*Figure 3: Granted Patents and Utility Innovations 2006 – 2010*



Jadual 3: Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti 2010
*Table 3: Top Ten Countries for Patents and Utility Innovations Applications 2010*

| Negara *Countries* | 2010 |
|---|---|
| United States of America | 1,700 |
| Malaysia | 1,275 |
| Japan | 877 |
| Germany | 441 |
| Switzerland | 297 |
| United Kingdom | 246 |
| France | 227 |
| The Netherlands | 162 |
| South Korea | 132 |
| Sweden | 123 |

Jadual 4: Sepuluh Negara Teratas bagi Pemberian Paten dan Perbaharuan Utiliti 2010
*Table 4: Top Ten Countries for Granted Patents and Utility Innovations 2010*

| Negara *Countries* | 2010 |
|---|---|
| United States of America | 528 |
| Japan | 481 |
| Malaysia | 204 |
| Germany | 159 |
| Switzerland | 106 |
| United Kingdom | 101 |
| France | 100 |
| The Netherlands | 78 |
| South Korea | 69 |
| Sweden | 44 |

## Permohonan Paten Antarabangsa (PCT)

Pada 2010, sebanyak 334 permohonan paten antarabangsa (PCT application) telah difailkan, peningkatan sebanyak 49% (2009:224). Kenaikan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kesedaran di kalangan pemohon tempatan tentang kelebihan memfailkan permohonan antarabangsa melalui sistem PCT. Sistem ini juga memudahkan permohonan dari luar negara untuk mendapat perlindungan di Malaysia dan ini telah menyumbang kepada peningkatan permohonan secara keseluruhan.

**Rajah 4** menunjukkan permohonan paten antarabangsa dari 2006 hingga 2010.

## *PCT Applications*

*In 2010, a total of 334 PCT applications were filed, with an increase by 49% (2009:224). The increase was due to the awareness on the advantage of international filing through PCT among the local applicants. This system also facilitates the international applications in obtaining protection in Malaysia, thus contribute to the increase of applications as a whole.*

***Figure 4** shows the PCT applications from 2006 to 2010.*

Rajah 4: Permohonan PCT 2006 – 2010

*Figure 4: PCT Applications 2006 – 2010*






## Pemberian Paten Berasaskan Bidang Teknologi

Pada 2010, sebanyak 2,177 paten berasaskan bidang teknologi yang dikeluarkan telah menunjukkan penurunan hampir 37% berbanding 2009 (2009:3,468). Pemberian paten bagi bidang teknologi keperluan manusia menurun 44.5% dengan 364 paten (2009:656); pelaksanaan operasi, pengangkutan menurun 38.4% dengan 390 paten (2009:633); kimia, logam menurun 28.4% dengan 599 paten (2009:837); tekstil, kertas menurun 58.5% dengan 22 paten (2009:53); binaan tetap menurun 37% dengan 75 paten (2009:119); manakala kejuruteraan mekanikal, cahaya, haba menurun 32.4% dengan 125 paten (2009:185); fizik menurun 43.9% dengan 274 paten (2009:488); dan bidang elektrik menurun 34% dengan 328 paten (2009:497). **Jadual 5** menunjukkan pemberian paten mengikut bidang teknologi.

## *Patents Granted Based on Fields of Technology*

*In 2010, 2,177 patents based on technology were issued which show a decline nearly 37% (2009:3,468). The patents in the fields for technology on human necessity decreased by 44.5% with 364 patents (2009:656); in the fields of performance, operation and transporting decreased by 38.4% with 390 patents (2009:633); chemistry and metallurgy decreased by 28.4% with 599 patents (2009:837); textiles, paper decreased by 58.5% with 22 patents (2009:53); fixed construction decreased by 37% with 75 patents (2009:119); mechanical engineering, light, heat decreased by 32.4% with 125 patents (2009:185); physic decreased by 43.9% with 274 patents (2009:488); and in the fields of electricity decreased by 34% with 328 patents (2009:497).* ***Table 5*** *shows granted patents in the fields of technology.*

Jadual 5: Pemberian Paten mengikut Bidang Teknologi 2006-2010
*Table 5: Patents Granted according to Fields of Technology 2006-2010*

| Seksyen *Section* | Bidang Teknologi *Fields of Technology* | Tahun *Year* | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
| A | Keperluan Manusia *Human Necessities* | 948 | 1,179 | 423 | 656 | 364 |
| B | Pelaksanaan, Operasi, Pengangkutan *Performance, Operations, Transporting* | 1,155 | 1,213 | 421 | 633 | 390 |
| C | Kimia dan Logam *Chemistry and Metallurgy* | 1,275 | 1,748 | 451 | 837 | 599 |
| D | Tekstil dan Kertas *Textile and Paper* | 101 | 109 | 33 | 53 | 22 |
| E | Teknologi Binaan Tetap *Fixed Construction* | 197 | 221 | 98 | 119 | 75 |
| F | Kejuruteraan Mekanikal, Cahaya, Haba, Senjata *Mechanical Engineering, Lighting, Heating, Weapon* | 448 | 407 | 159 | 185 | 125 |
| G | Fizik *Physics* | 1,042 | 883 | 293 | 488 | 274 |
| H | Elektrik *Electricity* | 1,583 | 1,223 | 364 | 497 | 328 |
| | **Jumlah** ***Total*** | **6,749** | **6,983** | **2,242** | **3,468** | **2,177** |

## Pembaharuan Paten

Sebanyak 14,439 paten telah dibaharui pada 2010 menunjukkan penurunan sebanyak 4.7% (2009:15,145). Penurunan ini adalah disebabkan oleh teknologi paten yang telah didaftarkan tidak lagi relevan dengan perkembangan teknologi semasa dan pemilik tidak berminat untuk memperbaharui paten mereka. **Rajah 5** menunjukkan pembaharuan paten dari 2006 hingga 2010.

## *Patents Renewal*

*In 2010, 14,439 patents were renewed, which shows a decline of 4.7% (2009:15,145). The decline is due to the registered patent in becoming obsolete and the patent holders are no longer interested in renewing their patents.* ***Figure 5*** *shows patents renewal from 2006 to 2010.*

Rajah 5: Pembaharuan Paten 2006-2010
*Figure 5: Patents Renewal 2006-2010*






# 2010

## Cap Dagangan

Sejumlah 26,370 permohonan cap dagangan telah difailkan dengan menunjukkan peningkatan sebanyak 9.6%. (2009:24,070). Permohonan tempatan meningkat sebanyak 2.3% kepada 13,099 (2009:12,810) manakala, permohonan luar negara meningkat sebanyak 17.9% kepada 13,271 permohonan (2009:11,260).

Pendaftaran cap dagangan pula mencatatkan kemerosotan sebanyak 4.5% kepada 14,294 pendaftaran (2009:14,972). Permohonan cap dagangan tempatan telah meningkat sebanyak 3.8% kepada 5,642 (2009:5,438). Manakala, pendaftaran cap dagangan luar negara merosot sebanyak 9.3% kepada 8,652 pendaftaran (2009:9,534). Penurunan pendaftaran pada 2010 adalah disebabkan oleh pengenalan sistem pendaftaran cap dagangan yang baru (ITMS) pada suku tahun kedua 2010. Proses asimilasi dalam integrasi sistem tersebut telah memberi kesan kepada kerja-kerja pemprosesan permohonan cap dagangan. Di samping itu, peningkatan fail-fail yang menerima bantahan disebabkan tidak memenuhi kehendak Akta Cap Dagangan 1976 turut menyumbang kepada penurunan pendaftaran.

**Jadual 6**, **Rajah 6** dan **Rajah 7** menunjukkan permohonan dan pendaftaran cap dagangan bagi 2006 hingga 2010.

## *Trade Marks*

*A total of 26,370 trade marks applications were filed, which shows an increase of 9.6% (2009:24,070). The local applications increased by 2.3% to 13,099 applications (2009:12,810) while, the foreign applications increased by 17.9% to 13,271 applications (2009:11,260).*

*Trade marks registrations recorded a decline of 4.5% to 14,294 registrations (2009:14,972). The local trade marks applications increased by 3.8% to 5,642 registrations (2009:5,438). Meanwhile, the registrations of foreign trade marks declined by 9.3% to 8,652 registrations (2009:9,534). The decline in 2010 registrations is due to the introduction of a new trade marks registration system (ITMS) in the second quater of the year. The assimilation of the integration of the new system has affected the processing of trade marks applications. In addition, the increase in the number of files objected on the ground of non-compliance with the requirements of the Trade Marks Act 1976 has also contributed to the decrease of the registration.*

***Table 6**, **Figure 6** and **Figure 7** show trade marks applications and registrations from 2006 to 2010.*

Jadual 6: Permohonan dan Pendaftaran Cap Dagangan 2006-2010
*Table 6: Trade Marks Applications and Registrations 2006-2010*

| Tahun *Year* | Permohonan *Applications* | | | Pendaftaran *Registrations* | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Malaysia | Luar Negara *Foreign* | Jumlah *Total* | Malaysia | Luar Negara *Foreign* | Jumlah *Total* |
| **2006** | 11,209 | 12,840 | 24,049 | 5,651 | 10,108 | 15,759 |
| **2007** | 12,289 | 13,605 | 25,894 | 8,108 | 17,382 | 25,490 |
| **2008** | 12,562 | 13,472 | 26,034 | 9,049 | 18,798 | 27,847 |
| **2009** | 12,810 | 11,260 | 24,070 | 5,438 | 9,534 | 14,972 |
| **2010** | 13,099 | 13,271 | 26,370 | 5,642 | 8,652 | 14,294 |



Rajah 6: Permohonan Cap Dagangan 2006-2010

*Figure 6: Trade Marks Applications 2006-2010*




Rajah 7: Pendaftaran Cap Dagangan 2006-2010

*Figure 7: Trade Marks Registrations 2006-2010*



Jadual 7: Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Cap Dagangan 2010
*Table 7: Top Ten Countries for Trade Marks Applications 2010*

| **Negara** *Countries* | **2010** |
|---|---|
| Malaysia | 13,099 |
| United States of America | 2,807 |
| Japan | 1,696 |
| China | 1,035 |
| Singapore | 1,021 |
| Germany | 880 |
| United Kingdom | 792 |
| Switzerland | 689 |
| France | 569 |
| Australia | 423 |

Jadual 8: Sepuluh Negara Teratas bagi Pendaftaran Cap Dagangan 2010
*Table 8: Top Ten Countries for Trade Marks Registrations 2010*

| **Negara** *Countries* | **2010** |
|---|---|
| Malaysia | 5,642 |
| United States of America | 1,900 |
| Japan | 1,073 |
| Germany | 749 |
| United Kingdom | 547 |
| Switzerland | 545 |
| France | 444 |
| Singapore | 390 |
| China | 363 |
| Italy | 250 |

## Pembaharuan Cap Dagangan

Pada 2010, pengeluaran sijil pembaharuan pendaftaran cap dagangan meningkat sebanyak 0.5% kepada 13,265 (2009: 13,193). **Rajah 8** menunjukkan pembaharuan cap dagangan bagi 2006 hingga 2010.

## *Trade Marks Renewal*

*In 2010, 13,265 trade marks were renewed as compared to 13,193 trade marks, rising by 0.5% from the previous year (2009: 13,193). Statistics of trade marks renewal from 2006 to 2010 are shown in* ***Figure 8****.*

Rajah 8: Pembaharuan Cap Dagangan 2006-2010

*Figure 8: Trade Marks Renewal 2006-2010*







DAFTARLAH cap dagangan anda sebelum terlewat !

*REGISTER your trade mark before it is too late !*

# 2010

## Reka Bentuk Perindustrian

Pada 2010, sejumlah 1,677 permohonan reka bentuk perindustrian telah difailkan, peningkatan sebanyak 14.5% (2009:1,465). Bagi permohonan tempatan, ianya meningkat sebanyak 5.4% kepada 737 permohonan (2009:699). Manakala permohonan luar negara meningkat sebanyak 22.7% kepada 940 permohonan (2009:766).

Sejumlah 1,598 permohonan telah didaftarkan pada 2010, iaitu peningkatan sebanyak 0.1% (2009:1,596). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 748 adalah permohonan tempatan iaitu peningkatan sebanyak 41.4% (2009:529). Bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian luar negara pula merosot sebanyak 20.3% kepada 850 pendaftaran (2009:1,067). Pada 2010, hanya permohonan pada tahun semasa sahaja yang diproses. Manakala pendaftaran luar negara bagi 2009 adalah lebih tinggi berbanding 2010 kerana ia turut melibatkan pemprosesan fail permohonan reka bentuk perindustrian tertangguh, iaitu permohonan tahun sebelumnya.

**Jadual 9**, **Rajah 9** dan **Rajah 10** menunjukkan permohonan dan pendaftaran reka bentuk perindustrian bagi 2006 hingga 2010.

## *Industrial Designs*

*In 2010, a total of 1,677 industrial designs applications were filed, an increase by 14.5% (2009:1,465). Local applications have increased by 5.4% to 737 applications (2009:699). While foreign applications have increased by 22.7% to 940 applications (2009:766).*

*A total of 1,598 applications were registered in 2010, an increase of 0.1% (2009:1,596). From this total, 748 local applications were registered, which shows an increase of 41.4% (2009:529). Whereas, foreign industrial designs registrations declined by 20.3%, to 850 (2009:1,067). In 2010, only current year applications were processed. While registration for foreign applications were higher in 2009 compared to 2010, due to the processing of backlog applications from the previous years.*

***Table 9**, **Figure 9** and **Figure 10** show applications and registrations of Industrial Designs 2006-2010.*

Jadual 9: Permohonan dan Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian 2006-2010
*Table 9: Industrial Designs Applications and Registrations 2006-2010*

| Tahun *Year* | Permohonan *Applications* | | | Pendaftaran *Registrations* | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Malaysia | Luar Negara *Foreign* | Jumlah *Total* | Malaysia | Luar Negara *Foreign* | Jumlah *Total* |
| **2006** | 616 | 928 | 1,544 | 700 | 1,100 | 1,800 |
| **2007** | 774 | 1,146 | 1,920 | 597 | 1,076 | 1,673 |
| **2008** | 630 | 1,072 | 1,702 | 580 | 903 | 1,483 |
| **2009** | 699 | 766 | 1,465 | 529 | 1,067 | 1,596 |
| **2010** | 737 | 940 | 1,677 | 748 | 850 | 1,598 |



Rajah 9: Permohonan Reka Bentuk Perindustrian 2006-2010
*Figure 9: Industrial Designs Applications 2006-2010*




Rajah 10: Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian 2006-2010
*Figure 10: Industrial Designs Registrations 2006-2010*



Jadual 10: Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Reka Bentuk Perindustrian 2010
*Table 10: Top Ten Countries Applying for Industrial Designs 2010*

| **Negara** *Countries* | **2010** |
|---|---|
| Malaysia | 737 |
| Japan | 264 |
| United States of America | 194 |
| The Netherlands | 72 |
| Germany | 67 |
| Switzerland | 66 |
| United Kingdom | 57 |
| Singapore | 48 |
| Italy | 39 |
| Australia | 19 |

Jadual 11: Sepuluh Negara Teratas bagi Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian 2010
*Table 11: Top Ten Countries for Industrial Designs Registrations 2010*

| **Negara** *Countries* | **2010** |
|---|---|
| Malaysia | 748 |
| Japan | 240 |
| United States of America | 179 |
| Germany | 80 |
| Switzerland | 70 |
| The Netherlands | 53 |
| United Kingdom | 37 |
| Singapore | 30 |
| Italy | 30 |
| Sweden | 22 |

## Pembaharuan Reka Bentuk Perindustrian

Pada 2010, pengeluaran sijil pembaharuan pendaftaran reka bentuk perindustrian mengalami kemerosotan sebanyak 4.8% kepada 1,048 (2009:1,101). Statistik pembaharuan reka bentuk perindustrian bagi 2006 hingga 2010 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 11**.

## *Industrial Designs Renewal*

*In 2010, 1,048 industrial designs were renewed, a decline of 4.8% as compared to the previous year (2009:1,101). Statistics of industrial designs renewal from 2006 to 2010 are shown in* ***Figure 11****.*

Rajah 11: Pembaharuan Reka Bentuk Perindustrian 2006-2010

*Figure 11: Industrial Designs Renewal 2006-2010*






## Petunjuk Geografi

Pada 2010, sejumlah lima permohonan telah difailkan bagi pendaftaran petunjuk geografi dengan pengurangan sebanyak 28.6% (2009:7). Permohonan tersebut terdiri daripada tiga permohonan tempatan dan dua permohonan luar negara.

Bagi pendaftaran pula, tiga petunjuk geografi telah didaftarkan pada 2010 iaitu Beras Bajong Sarawak, Beras Biris Sarawak dan Kuih Lidah Kampung Berundong Papar.

**Jadual 12** menunjukkan permohonan dan pendaftaran petunjuk geografi bagi 2003 hingga 2010 manakala senarai petunjuk geografi yang berdaftar dari 2003 sehingga 2010 adalah seperti di **Jadual 13**.

## *Geographical Indications*

*In 2010, a total of five applications were filed for geographical indications registrations, a reduction of 28.6%. (2009:7). The applications consist of three local and two foreign applications.*

*For registration, three geographical indications were registered in 2010; namely Beras Bajong Sarawak, Beras Biris Sarawak and Kuih Lidah Kampung Berundong Papar.*

***Table 12** shows the applications and registrations of geographical indications for 2003 to 2010 while the list of registered geographical indications from 2003 to 2010 is depicted in **Table 13**.*

Jadual 12: Permohonan dan Pendaftaran Petunjuk Geografi 2003-2010
*Table 12: Geographical Indications Applications and Registrations 2003-2010*

| Tahun *Year* | Permohonan *Applications* | | | Pendaftaran *Registrations* | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Malaysia | Luar Negara *Foreign* | Jumlah *Total* | Malaysia | Luar Negara *Foreign* | Jumlah *Total* |
| **2003** | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| **2004** | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 |
| **2005** | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| **2006** | 5 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 |
| **2007** | 5 | 0 | 5 | 4 | 0 | 4 |
| **2008** | 3 | 1 | 4 | 1 | 0 | 1 |
| **2009** | 6 | 1 | 7 | 1 | 2 | 3 |
| **2010** | 3 | 2 | 5 | 3 | 0 | 3 |
| **Jumlah** *Total* | **23** | **4** | **27** | **10** | **2** | **12** |

Jadual 13: Petunjuk Geografi Berdaftar 2003-2010
*Table 13: Registered Geographical Indications 2003-2010*

| No. | Petunjuk Geografi *Geographical Indications* |
|---|---|
| 1. | Sarawak Pepper |
| 2. | Sabah Tea |
| 3. | Borneo Virgin Coconut Oil |
| 4. | Tenom Coffee |
| 5. | Sabah Seaweed |
| 6. | Bario Rice |
| 7. | Buah Limau Bali Sungai Gedong |
| 8. | Pisco |
| 9. | Scotch Whisky |
| 10. | Beras Biris Sarawak |
| 11. | Beras Bajong Sarawak |
| 12. | Kuih Lidah Kampung Berundong Papar |




Beras Bario, Beras Biris dan Beras Bajong adalah petunjuk geografi yang mempunyai nilai komersil yang tinggi.

*Bario Rice, Biris Rice and Bajong Rice are the geographical indications with high commercial value.*

Imej: Teknologi Pertanian

## Hakcipta dan Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu

Akta Hakcipta 1987 dan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 memperuntukkan perlindungan hakcipta dan reka bentuk susun atur litar bersepadu tanpa pendaftaran. Perlindungan hakcipta dan reka bentuk susun atur litar bersepadu diberikan sebaik sahaja sesuatu karya itu dihasilkan. Oleh itu, aktiviti bagi kedua-dua cabang harta intelek ini adalah tertumpu kepada program khidmat nasihat dan kesedaran awam serta memantau perkembangan dasar-dasar hakcipta dan reka bentuk susun atur litar bersepadu sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Beberapa program telah dianjurkan dan salah satunya adalah program yang membincangkan isu royalti. Kemuncak program ini adalah Majlis Penyerahan Cek Royalti Allahyarham Tan Sri P. Ramlee di Kuala Lumpur pada Ogos 2010. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Majlis ini turut menyaksikan pelancaran Tabung Dana P. Ramlee yang akan ditadbir oleh Amanah Raya Berhad. Majlis ini memberi fokus kepada perlindungan hakcipta dan menjamin kepentingan pemilik hakcipta.

## *Copyright and Layout Designs of Integrated Circuits*

*The Copyright Act 1987 and the Layout Designs of Integrated Circuits Act 2000 provide protection for copyright and layout designs of integrated circuits with no registration. Protection of copyright and layout designs of integrated circuits subsists on the works created. Therefore, the main activities for these intellectual properties are focused on advisory services and public awareness programmes as well as monitoring the development of policies on copyright and layout designs of integrated circuit at the national and international levels.*

*Various copyright events have been organised and one of the events is to address royalty issues. The height of the events was the late of Tan Sri P. Ramlee's Royalty Cheque Presentation Ceremony in Kuala Lumpur in August 2010. The ceremony was officiated by YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism. This ceremony witnessed the launching of Tabung Dana P. Ramlee which will be administered by Amanah Raya Berhad. This event also highlighted the importance of protecting their copyright and securing their interests.*



## Permohonan dan Pendaftaran Harta Intelek Rakyat Malaysia di Negara ASEAN

Malaysia menjalin kerjasama yang erat dengan negara-negara ASEAN dalam bidang harta intelek bagi mewujudkan suasana pelaburan yang kondusif di rantau ini. Hasil daripada kerjasama yang terjalin, semakin ramai rakyat Malaysia yang mendaftar harta intelek mereka di negara-negara tersebut. Sehubungan itu, MyIPO mengambil inisiatif untuk memantau trend permohonan dan pendaftaran harta intelek rakyat Malaysia di negara-negara ASEAN.

### Paten dan Perbaharuan Utiliti

**Jadual 14** menunjukkan bilangan permohonan paten dan perbaharuan utiliti oleh rakyat Malaysia di lima negara ASEAN dari 2006 hingga 2010. Secara umumnya, perlindungan harta intelek adalah bersifat kewilayahan iaitu sekiranya pemunya harta intelek ingin mendapatkan perlindungan di sesebuah negara, pemunya perlu membuat permohonan secara berasingan di setiap negara di mana harta intelek ingin dilindungi.

Bilangan permohonan paten dan perbaharuan utiliti tersebut adalah memberangsangkan dengan jumlah keseluruhan melebihi 80 permohonan pada setiap tahun kecuali pada 2007 dengan hanya 67 permohonan. Permohonan paten dan perbaharuan utiliti di Thailand mencatatkan rekod tertinggi dan diikuti rapat oleh Singapura. Antara faktor utama yang menjadi tarikan pemunya paten dan perbaharuan utiliti rakyat Malaysia untuk memilih negara berkenaan adalah berdasarkan potensi pengkomersilan harta intelek mereka dan suasana pelaburan yang kondusif di negara-negara tersebut.

Pada 2010, berbanding 2009, permohonan paten dan perbaharuan utiliti oleh rakyat Malaysia di Vietnam menunjukkan peningkatan sebanyak 16.7% kepada 14 permohonan (2009:12), Singapura meningkat sebanyak 22.2% kepada 33 permohonan (2009:27) dan Filipina menunjukkan peningkatan sebanyak 100% kepada 16 permohonan (2009:8).

## *Applications and Registrations of Intellectual Property by Malaysian in ASEAN Countries*

*Malaysia has close relationships with ASEAN countries in the field of intellectual property to create a conducive investment climate in the region. As a result of the co-operation, more Malaysians registered their intellectual property in those countries. Therefore, MyIPO has taken the initiative to monitor the IP applications and registrations trend in ASEAN countries.*

### *Patents and Utility Innovations*

***Table 14*** *shows the number of patents and utility innovations applications by Malaysians in five ASEAN countries from 2006 until 2010. Generally, the protection of intellectual property is territorial in nature, whereby the owner of intellectual property needs to file separate application in each country to be protected.*

*The number of patents and utility innovations applications are encouraging with the total applications of more than 80 applications every year except for 2007 with 67 applications. Thailand recorded the highest number of patents and utility innovations, followed by Singapore. Amongst the factors that encourage Malaysian patent owners to choose these countries are commercialisation potential and conducive investment climate.*

*In 2010 as compared to 2009, patents and utility innovations applications by Malaysians, Vietnam shows an increase of 16.7% to 14 applications (2009:12), Singapore increased by 22.2% to 33 applications (2009:27) and The Philippines shows 100% increase to 16 applications (2009:8).*

Jadual 14: Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti oleh Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Table 14: Patents and Utility Innovations Applications by Malaysians in Five ASEAN Countries*

| Negara *Countries* | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | Jumlah *Total* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Thailand | 32 | 29 | 28 | 27 | 27 | **143** |
| Singapore | 21 | 18 | 21 | 27 | 33 | **120** |
| Vietnam | 17 | 8 | 12 | 12 | 14 | **63** |
| The Philippines | 14 | 6 | 11 | 8 | 16 | **55** |
| Brunei | 2 | 6 | 9 | 8 | 5 | **30** |
| **Jumlah** *Total* | **86** | **67** | **81** | **82** | **95** | **411** |

Rajah 12: Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti oleh Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Figure 12: Patents and Utility Innovations Applications by Malaysians in Five ASEAN Countries*




**Jadual 15** menunjukkan pemberian geran paten dan sijil perbaharuan utiliti kepada rakyat Malaysia di lima negara ASEAN adalah sederhana dengan 158 pemberian geran dan sijil berbanding dengan 441 permohonan yang telah difailkan di negara tersebut dalam tempoh lima tahun. Setiap negara adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang paten domestik di negara tersebut dalam mendaftarkan sesuatu paten dan perbaharuan utiliti.

Dari kelima-lima negara ASEAN, permohonan paten dan perbaharuan utiliti di Brunei mengambil masa yang singkat kerana tidak memerlukan pemeriksaan. Ini kerana perlindungan akan diberikan secara automatik kepada paten dan perbaharuan utiliti yang telah didaftarkan di negara United Kingdom, Eropah, Singapura dan Malaysia. Namun begitu, permohonan mestilah difailkan di Brunei dalam masa tiga tahun selepas mendapat geran dan sijil di negara-negara tersebut.

Secara keseluruhan, trend pemberian geran paten dan sijil perbaharuan utiliti adalah tidak konsisten bagi tempoh lima tahun. Singapura merekodkan pemberian geran paten dan sijil perbaharuan utiliti yang tertinggi bagi setiap tahun dengan jumlah keseluruhan sebanyak 80 pemberian geran dan sijil. Ini diikuti oleh Brunei dan Thailand dengan rekod sebanyak 30 dan 22 pemberian geran dan sijil. Pada 2010, Thailand telah mencatatkan peningkatan yang mendadak sebanyak 125% kepada 9 pemberian geran dan sijil (2009:4). Ini jelas menunjukkan bahawa permohonan paten dan perbaharuan utiliti yang difailkan oleh rakyat Malaysia telah memenuhi syarat pemberian geran paten dan sijil perbaharuan utiliti di negara tersebut.

***Table 15*** *shows the total of issuance of patent grants and utility innovation certificates to Malaysians in five ASEAN countries is moderate with 158 grants and certificates, as compared to 441 applications that have been filed in those countries in five years. Each application is subject to the domestic patent law of the respective countries.*

*Brunei led the five ASEAN countries with the shortest registration period for patents and utility innovations applications where it requires no examination. The protection is given automatically to registered patents and utility innovations from United Kingdom, Europe, Singapore as well as Malaysia. However, the applications must be filed in Brunei within three years after the patents and utility innovations were granted in those countries.*

*As a whole, the trend in issuance of patent grants and utility innovation certificates is inconsistent during the five-year period. Singapore recorded the highest number of issuance with 80 grants and certificates, followed by Brunei and Thailand with 30 and 22 grants and certificates, respectively. In 2010, Thailand has recorded a rapid increase of 125% to 9 grants and certificates (2009:4). This clearly shows that patents and utility innovations applications filed by Malaysians are in compliance with the domestic requirements of those countries.*

Jadual 15: Pemberian Paten dan Perbaharuan Utiliti Kepada Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Table 15: Patents and Utility Innovations Granted to Malaysians in Five ASEAN Countries*

| **Negara** *Countries* | **2006** | **2007** | **2008** | **2009** | **2010** | **Jumlah** *Total* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Singapore | 14 | 17 | 19 | 16 | 14 | **80** |
| Brunei | 2 | 6 | 9 | 8 | 5 | **30** |
| Thailand | 3 | 3 | 3 | 4 | 9 | **22** |
| Vietnam | 4 | 2 | 2 | 3 | 4 | **15** |
| The Philippines | 2 | 1 | 6 | 1 | 1 | **11** |
| **Jumlah** *Total* | **25** | **29** | **39** | **32** | **33** | **158** |

Rajah 13: Pemberian Paten dan Perbaharuan Utiliti Kepada Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Figure 13: Patents and Utility Innovations Granted to Malaysians in Five ASEAN Countries*




**Cap Dagangan**

Selain paten, rakyat Malaysia turut memfailkan permohonan cap dagangan di negara-negara ASEAN seperti di **Jadual 16**. Permohonan cap dagangan di negara-negara tersebut dilihat memberangsangkan dengan jumlah permohonan melebihi 800 permohonan setiap tahun. Tahun 2010 merekodkan permohonan tertinggi (1,113 permohonan) iaitu peningkatan sebanyak 6.2% (2009:1,048). Peningkatan tersebut adalah seiring dengan pemulihan ekonomi dunia pada 2010.

Permohonan cap dagangan di Singapura telah merekodkan permohonan yang tertinggi berbanding negara-negara ASEAN yang lain. Rakyat Malaysia lebih banyak memohon perlindungan cap dagangan di Singapura berikutan permintaan tinggi produk buatan Malaysia di negara tersebut serta mempunyai rejim harta intelek yang kukuh.

***Trade Marks***

*Besides patents, Malaysians also filed trade marks applications in ASEAN countries as shown in **Table 16**. With more than 800 applications each year, these applications were seen as encouraging. 2010 marked the highest number of applications (1,113 applications), an increase of 6.2% (2009:1,048). The increase reflects the recovery of the world economy in 2010.*

*Singapore recorded the highest number of trade marks applications from Malaysia as compared to other ASEAN countries. Malaysians were inclined to get protection of their trade marks due to the higher demand of Malaysian products in Singapore as well as its strong IP regime.*

Jadual 16: Permohonan Cap Dagangan oleh Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Table 16: Trade Marks Applications by Malaysians in Five ASEAN Countries*

| Negara *Countries* | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | Jumlah *Total* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Singapore | 401 | 427 | 557 | 490 | 541 | **2,416** |
| Vietnam | 168 | 201 | 191 | 238 | 174 | **972** |
| Thailand | 160 | 202 | 169 | 178 | 187 | **896** |
| The Philippines | 79 | 104 | 147 | 105 | 128 | **563** |
| Brunei | 76 | 100 | 78 | 37 | 83 | **374** |
| **Jumlah** *Total* | **884** | **1,034** | **1,142** | **1,048** | **1,113** | **5,221** |

Rajah 14: Permohonan Cap Dagangan oleh Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Figure 14: Trade Marks Applications by Malaysians in Five ASEAN Countries*




Bagi pendaftaran cap dagangan di lima negara-negara ASEAN, trend pendaftaran adalah tidak konsisten bagi tempoh lima tahun seperti di **Jadual 17**. Singapura merekodkan pendaftaran yang tertinggi dengan jumlah pendaftaran sebanyak 2,196 bagi tempoh lima tahun, diikuti Thailand dan Vietnam, masing-masing merekodkan sebanyak 704 dan 686 pendaftaran. Walau bagaimanapun, bilangan pendaftaran cap dagangan Malaysia pada 2010 yang telah didaftarkan di Singapura menunjukkan penurunan sebanyak 17.1% kepada 416 (2009:502).

*The trend for trade marks registrations in five ASEAN countries was inconsistent for the period of five years as shown in **Table 17**. Singapore recorded the highest number of trade marks registrations with a total of 2,196 registrations in the five-year period, followed by Thailand and Vietnam which recorded 704 and 686 registrations respectively. Nevertheless, in 2010 the number of Malaysian trade marks registrations in Singapore reduced by 17.1% to 416 registrations (2009:502).*

Jadual 17: Pendaftaran Cap Dagangan oleh Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Table 17: Trade Marks Registrations by Malaysians in Five ASEAN Countries*

| **Negara** *Countries* | **2006** | **2007** | **2008** | **2009** | **2010** | **Jumlah** *Total* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Singapore | 369 | 551 | 358 | 502 | 416 | **2,196** |
| Thailand | 156 | 154 | 131 | 115 | 148 | **704** |
| Vietnam | 64 | 152 | 172 | 173 | 125 | **686** |
| The Philippines | 91 | 140 | 125 | 118 | 96 | **570** |
| Brunei | 176 | 69 | 112 | 75 | 54 | **486** |
| **Jumlah** *Total* | **856** | **1,066** | **898** | **983** | **839** | **4,642** |

Rajah 15: Permohonan Cap Dagangan oleh Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Figure 15: Trade Marks Registrations by Malaysians in Five ASEAN Countries*




### Reka Bentuk Perindustrian

**Jadual 18** mencatatkan trend peningkatan permohonan reka bentuk perindustrian dari 2006 hingga 2009 di lima negara ASEAN dengan rekod tertinggi pada 2009. Meskipun 2009 menyaksikan kemelesetan ekonomi di seluruh dunia, permohonan reka bentuk perindustrian tetap kekal dengan momentum positif dengan jumlah keseluruhan permohonan sebanyak 142 permohonan bagi kelima-lima negara ASEAN tersebut. Bertentangan pula pada 2010 yang menyaksikan pemulihan ekonomi dunia, bilangan permohonan reka bentuk perindustrian oleh rakyat Malaysia adalah menurun bagi kelima-lima negara tersebut. Penurunan yang dicatatkan adalah sebanyak 39.4% dengan jumlah permohonan sebanyak 86 permohonan (2009:142). Faktor penurunan ini adalah disebabkan rakyat Malaysia lebih banyak memfailkan permohonan di dalam negara. Ini dapat dilihat dengan kenaikan bilangan permohonan tempatan sebanyak 5.4% kepada 737 permohonan pada 2010 (2009:699).

### *Industrial Designs*

***Table 18*** *shows an upward trend from 2006 to 2009 in five ASEAN countries with 2009 recorded the highest number of industrial designs applications. Despite the world economic turmoil in 2009, the number of industrial designs applications filed by Malaysians remained with a positive momentum, totalling 142 applications for these five ASEAN countries. Although the year 2010 witnessed the recovery of world economy, the number of industrial designs applications has reduced by 39.4% to 86 applications, the reason being Malaysians were more inclined to file their applications domestically (2009:142). This can be seen with the increase of 5.4% to 737 applications in 2010 (2009:699).*

Jadual 18: Permohonan Reka Bentuk Perindustrian oleh Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Table 18: Industrial Designs Applications by Malaysians in Five ASEAN Countries*

| **Negara** *Countries* | **2006** | **2007** | **2008** | **2009** | **2010** | **Jumlah** *Total* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Singapore | 34 | 24 | 67 | 55 | 50 | **230** |
| Thailand | 11 | 12 | 30 | 29 | 12 | **94** |
| Vietnam | 8 | 32 | 16 | 21 | 14 | **91** |
| The Philippines | 5 | 7 | 10 | 13 | 10 | **45** |
| Brunei | 3 | 0 | 9 | 24 | 0 | **36** |
| **Jumlah** *Total* | **61** | **75** | **132** | **142** | **86** | **496** |

Rajah 16: Permohonan Reka Bentuk Perindustrian oleh Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Figure 16: Industrial Designs Applications by Malaysians in Five ASEAN Countries*




Secara umumnya, trend pendaftaran reka bentuk perindustrian bagi rakyat Malaysia di lima negara ASEAN dari 2006 hingga 2010 seperti di **Jadual 19** adalah tidak konsisten iaitu terdapat peningkatan dan penurunan sepanjang lima tahun tersebut. Jumlah keseluruhan pendaftaran bagi kelima-lima negara ASEAN tersebut adalah melebihi 60 pendaftaran bagi setiap tahun kecuali 2006 dengan hanya 37 pendaftaran.

Dari kelima-lima negara ASEAN, tempoh pendaftaran reka bentuk perindustrian di Brunei adalah paling singkat kerana kesemua permohonan yang difailkan telah didaftarkan pada tahun yang sama.

Rekod tertinggi pendaftaran reka bentuk perindustrian bagi rakyat Malaysia di lima negara ASEAN tersebut adalah pada 2009 dengan 130 pendaftaran. Ini menunjukkan 2009 merupakan tahun yang paling produktif bagi reka bentuk perindustrian di kelima-lima negara ASEAN dengan 140 permohonan dan 130 pendaftaran.

*Generally, the trend of industrial designs registrations from 2006 until 2010 in five ASEAN countries as depicted in* ***Table 19*** *are inconsistent, where there were both increase and decrease of registrations for the five-year period. The total number of registrations for all five ASEAN countries was more than 60 registrations for each year except for 2006, where there were only 37 registrations.*

*Brunei led the five ASEAN countries with the shortest registration period for industrial designs as all applications filed were also registered in the same year.*

*The highest number of industrial designs registrations given to Malaysians in five ASEAN countries was recorded in 2009 with 130 registrations. This illustrates that 2009 was the most productive year for industrial designs in all five ASEAN countries, with 140 applications and 130 registrations.*

Jadual 19: Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian oleh Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Table 19: Industrial Designs Registrations by Malaysians in Five ASEAN Countries*

| **Negara** *Countries* | **2006** | **2007** | **2008** | **2009** | **2010** | **Jumlah** *Total* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Singapore | 26 | 49 | 27 | 88 | 45 | **235** |
| The Philippines | 0 | 7 | 13 | 9 | 10 | **39** |
| Vietnam | 3 | 8 | 11 | 4 | 11 | **37** |
| Brunei | 3 | 0 | 9 | 24 | 0 | **36** |
| Thailand | 5 | 6 | 4 | 5 | 3 | **23** |
| **Jumlah** *Total* | **37** | **70** | **64** | **130** | **69** | **370** |

Rajah 17: Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian oleh Rakyat Malaysia di Lima Negara ASEAN
*Figure 17: Industrial Designs Registrations by Malaysians in Five ASEAN Countries*






## PEJABAT CAWANGAN SABAH DAN SARAWAK

Pejabat cawangan di Sabah dan Sarawak bertanggungjawab untuk menerima permohonan cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi untuk dihantar ke Ibu Pejabat di Kuala Lumpur. Aktiviti teras cawangan tersebut melibatkan pemprosesan permohonan pra dan pasca pendaftaran cap dagangan seperti pembaharuan, penyerahan hak, pertukaran nama dan alamat pemilik dan pendaftaran pengguna berdaftar. Selain itu, cawangan-cawangan ini juga bertanggungjawab untuk melaksanakan program kesedaran harta intelek serta memberi khidmat nasihat kepada agensi kerajaan dan *stakeholders* di Sabah dan Sarawak.

## *SABAH AND SARAWAK BRANCH OFFICES*

*Branch offices in Sabah and Sarawak are responsible for receiving applications of trade marks, patents, industrial designs and geographical indications and subsequently forwarding these applications to the Head Office in Kuala Lumpur. Their core services are processing of pre- and post-registration of trade marks which include renewal, assignment, change of names and addresses of the owner and registration of registered users. These branch offices are also involved in organising IP awareness programmes and advisory services to government agencies and stakeholders in Sabah and Sarawak.*

Jadual 20: Perkhidmatan oleh Pejabat Cawangan Sabah dan Sarawak, 2010
*Table 20: Services Rendered by the Sabah and Sarawak Branch Offices, 2010*

| Bil. *No.* | Perkhidmatan *Services* | Sabah | Sarawak |
|---|---|---|---|
| 1. | Permohonan Cap Dagangan *Trade Marks Applications* | 152 | 197 |
| 2. | Warta Cap Dagangan *Trade Marks Gazette* | 32 | 0 |
| 3. | Pembaharuan Cap Dagangan *Trade Marks Renewal* | 449 | 580 |
| 4. | Penyerahan Hak / Pindahan Permohonan Cap Dagangan *Trade Marks Assignment / Transmission of Trade Marks Applications* | 53 | 94 |
| 5. | Pertukaran Nama dan Alamat Pemilik Cap Dagangan *Application for Change of Names and Addresses of Owners of Trade Marks* | 128 | 183 |
| 6. | Pengguna Berdaftar Cap Dagangan *Applications for Recordal of Registered Users of Trade Marks* | 7 | 13 |
| 7. | Carian Awam *Public Search* | 61 | 154 |
| 8. | Permohonan Petunjuk Geografi *Geographical Indications Applications* | 0 | 3 |
| 9. | Permohonan Reka Bentuk Perindustrian *Industrial Designs Applications* | 1 | 0 |
| 10. | Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti *Patents and Utility Innovations Applications* | 9 | 2 |


MyIPO
ON THE CREATIVE INDUSTRIES
OPENING CEREMONY
Officiated by

# Kerjasama Harta Intelek Serantau dan Antarabangsa
# *Regional and Global Intellectual Property Co-operation*

Sebagai pentadbir harta intelek di Malaysia, MyIPO memainkan peranan penting dalam memastikan kepentingan negara di peringkat nasional dan antarabangsa terpelihara.  MyIPO kekal sebagai wakil penting dalam forum harta intelek di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala.

*As the custodian of the intellectual property in Malaysia, MyIPO plays an important role in protecting the country's interests at national and international levels. MyIPO remains as the key representative of Malaysia at the bilateral, regional and multilateral intellectual property fora.*

# 2010



Malaysia adalah ahli kepada Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

*Malaysia is a member of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), World Intellectual Property Organization (WIPO) and World Trade Organization (WTO).*

## Kerjasama Harta Intelek Serantau dan Antarabangsa

Di peringkat Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), MyIPO berperanan menyatakan pendirian Malaysia mengenai polisi harta intelek bagi memelihara kepentingan negara.

Selain dari mengambil bahagian secara aktif dalam mesyuarat dan perundingan antarabangsa, MyIPO turut mengadakan kerjasama bina upaya dalam bidang harta intelek di peringkat serantau dengan negara-negara ASEAN serta pejabat-pejabat harta intelek luar negara seperti *United States Patent and Trade Mark Office* (USPTO), *Japan Patent Office* (JPO), *Korea Patent Office* (KIPO) dan organisasi harta intelek antarabangsa yang lain.

Sehubungan itu, MyIPO telah bekerjasama dengan WIPO dan Kerajaan Sweden untuk mengadakan seminar *Follow-Up of the Advanced Course on Copyright and Related Rights in the Global Economy* pada 22 hingga 26 Februari 2010. Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengurusan, penguatkuasaan serta perkembangan perlindungan hakcipta dan hak-hak berkaitan di peringkat antarabangsa dalam persekitaran digital dan pembelajaran secara praktikal berkenaan perlesenan hakcipta.

## *Regional and Global IP Co-operation*

*MyIPO plays an important role in stating Malaysia's positions on policy matters related to intellectual property to protect national interests at Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), Asia Pacific Economic Co-operation (APEC), World Intellectual Property Organization (WIPO) and World Trade Organization (WTO) levels.*

*In addition to active participation in international meetings and negotiations, MyIPO also holds regional co-operation on capacity building in IP with the ASEAN countries and other foreign IP offices such as United States Patent and Trade Mark Office (USPTO), Japan Patent Office (JPO), Korea Patent Office (KIPO), as well as other IP international organisations.*

*Of this, MyIPO had collaborated with WIPO and Swedish Government in organising a seminar on Follow-Up of the Advanced Course on Copyright and Related Rights in the Global Economy from 22 to 26 February 2010. This course exposed participants to management, enforcement of copyright as well as developments on the protection of copyright and related rights at international levels in a digital environment and to learn hands-on practical experience on copyright licensing.*

## ASEAN

Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Kerjasama Harta Intelek (AWGIPC) bersidang dua kali setahun. Pada 2010, mesyuarat AWGIPC ke-33 dan ke-34 telah diadakan di Filipina dan Vietnam. Antara isu-isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

i. *Implementation of ASEAN Economic Community (AEC) Blueprint and Its Strategic Schedule on IP Rights* (IPR);

ii. ASEAN *IPR Action Plan* 2011-2015;

iii. ASEAN *Designs Filing System*;

iv. ASEAN *Patent Examination Co-operation* (ASPEC);

v. ASEAN *Business Development Services* (BDS) *Network*;

vi. ASEAN *Co-operation on Copyrights*;

vii. *Co-operation with ASEAN Dialogue Partners and Organisations*.

Negara ahli ASEAN (AMSs) telah bersetuju untuk tidak mewujudkan ASEAN *Designs Filing System*, sebaliknya menggunapakai *The Hague Agreement System*. AMSs berpendapat bahawa penyertaan *The Hague Agreement* akan memberi peluang integrasi yang lebih baik dengan struktur global. AMSs dijadualkan untuk menyertai perjanjian tersebut pada 2015 seperti yang telah digariskan di dalam *AEC Blueprint*.

## *ASEAN*

*ASEAN Working Group on Intellectual Property Co-operation (AWGIPC) meets twice a year. In 2010, the 33rd and 34th AWGIPC meetings were held in The Philippines and Vietnam respectively. Among the issues discussed were as follows:*

*i. Implementation of ASEAN Economic Community (AEC) Blueprint and Its Strategic Schedule on IP Rights (IPR);*

*ii. ASEAN IPR Action Plan 2011-2015;*

*iii. ASEAN Designs Filing System;*

*iv. ASEAN Patent Examination Co-operation (ASPEC);*

*v. ASEAN Business Development Services (BDS) Network;*

*vi. ASEAN Co-operation on Copyrights;*

*vii. Co-operation with ASEAN Dialogue Partners and Organisations.*

*ASEAN Member States (AMSs) have agreed to adopt The Hague Agreement System instead of establishing ASEAN Designs Filing System. They were of the view that the accession to The Hague Agreement would provide better opportunities to integrate with the global structure. AMSs are scheduled to accede to this agreement by 2015 as outlined in the AEC Blueprint.*



Mesyuarat AWGIPC turut membincangkan penubuhan Badan-badan Kutipan Royalti (CMOs) berdasarkan pengalaman negara ahli seperti Malaysia, Singapura dan Thailand. Di bawah *AEC Blueprint*, semua AMSs perlu menubuhkan CMOs pada 2015.

Projek ASPEC yang telah dilancarkan pada Jun 2009 adalah bertujuan berkongsi laporan carian dan pemeriksaan paten antara AMSs untuk mengurangkan pertindihan kerja pemeriksaan.

MyIPO juga bekerjasama dengan AWGIPC dan *United States Patent and Trademark Office* (USPTO) untuk menganjurkan ASEAN *IP Management and Technology Commercialization Workshop* pada 3 hingga 6 Ogos 2010 di Kuala Lumpur. Kursus ini memfokuskan kepada pengurusan harta intelek serta pemindahan dan pengkomersilan teknologi.

*The AWGIPC meetings also discussed on the establishment of the Collective Management Organisations (CMOs) based on the experience of AMSs such as Malaysia, Singapore and Thailand. Under the AEC Blueprint, the AMSs are required to establish CMOs by 2015.*

*The ASPEC project which was commenced on 15 June 2009 was to share search and examination results among AMSs in obtaining corresponding patents. The project would reduce duplication on the search and examination works.*

*MyIPO has also collaborated with AWGIPC and United States Patent and Trademark Office (USPTO) to organise ASEAN IP Management and Technology Commercialization Workshop from 3 to 6 August 2010 in Kuala Lumpur. The focus of this workshop is on IP management and technology transfer and commercialisation.*

## Perhimpunan Agung Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO)

Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) mengadakan perhimpunan agungnya pada setiap akhir tahun. Perhimpunan ini melibatkan perbincangan perkara-perkara dasar harta intelek dan program serta bajet yang dirancangkan oleh WIPO yang boleh memberi faedah kepada perkembangan dan pembangunan harta intelek.

Perhimpunan Agung 2010 yang diadakan dari 20 hingga 29 September 2010 di Switzerland telah dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi yang bertanggungjawab ke atas harta intelek dari negara-negara ahli WIPO. Antara sorotan penting adalah seperti berikut:

i. Negara-negara ahli menegaskan komitmen mereka terhadap *WIPO Development Agenda* dan kepentingan keberkesanan pelaksanaannya. Negara-negara ahli juga berpuas hati dengan kemajuan terkini khususnya adopsi mekanisma-mekanisma penyelarasan bagi pelaksanaan projek *Committee on Development and Intellectual Property* (CDIP);

ii. Negara-negara ahli menyokong kajian susulan oleh *International Bureau* untuk menganalisa punca masalah backlog paten. Di samping itu, negara-negara ahli bersetuju dengan inisiatif untuk menambahbaik sistem *Patent Cooperation Treaty* (PCT) dan bantuan teknikal bagi memudahkan negara-negara membangun dan kurang membangun untuk mengakses sistem pangkalan data mengikut kadar yang lebih rendah;

iii. Negara-negara ahli bersetuju untuk meneruskan perbincangan mengenai penubuhan *WIPO Treaty on the Protection of Broadcasting Organisations* yang akan menjadi satu platform bagi satu entiti penyiaran berasaskan isyarat. Triti ini perlu bagi menjaga kepentingan pencipta-pencipta kandungan dan menjamin akses bebas bagi material-material awam;

iv. Negara-negara ahli mengambil maklum progres perbincangan mengenai penubuhan instrumen bagi perlindungan sumber genetik, pengetahuan tradisional dan ekspresi kebudayaan di bawah *WIPO Intergovernmental Committee on the Intellectual Property*, and *Genetic Resources, Traditional Knowledge and Folklore* (IGC);

v. Negara-negara ahli menggalakkan *Standing Committee on Copyright and Related Rights* (SCCR) untuk meneruskan perbincangan mengenai *WIPO Limitation and Exception Treaty*. Triti tersebut haruslah berdasarkan nilai kemanusiaan dan tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor politik atau ekonomi terutama sekali dalam menerima pakai cadangan berkaitan standard minima untuk had dan pengecualian bagi *Visually Impaired Treaty*.

## *World Intellectual Property Organisation (WIPO) General Assembly*

*The World Intellectual Property Organisation (WIPO) convened its general assembly at the end of each year. The assembly discuses on IP policy, programmes as well as budget planned by WIPO for the benefit of member states on IP development and progress.*

*The 2010 General Assembly was held from 20 to 29 September 2010 in Switzerland, attended by higher level management responsible for IP in WIPO Member States. Among the highlights are as follows:*

*i. Member States reiterated their commitment to the WIPO Development Agenda and the importance of its effective implementation. Member States expressed their satisfaction with the recent progress in particular the adoption of the coordination mechanisms for the implementation of Committee on Development and Intellectual Property (CDIP) project;*

*ii. Member States expressed their support on the follow-up study by International Bureau to analyse the root cause of the patents backlog problem. In addition, the Member States concurred with the initiative of constant improvement of the Patent Cooperation Treaty (PCT) system and technical assistance to facilitate the developing and least developed countries to access database system at subsidised costs;*

*iii. Member States agreed to continue discuss on the establishment of WIPO Treaty on the Protection of Broadcasting Organisations which will serve as a platform for signal-based transmission entity. This treaty is necessary to safeguard the interest of content creators and free access to the public domain materials;*

*iv. Member States took note the progress on the discussion of the establishment of instrument for the protection of genetic resources, traditional knowledge and cultural expression under the WIPO Intergovernmental Committee on Intellectual Property, and Genetic Resources, Traditional Knowledge and Folklore (IGC);*

*v. Member States encouraged the Standing Committee on Copyright and Related Rights (SCCR) to continue its discussion on WIPO Limitation and Exception Treaty. The basis of the treaty should be on humanitarian ground and not to be influenced with economic or political factors especially in adopting the minimum standard of limitation and exception on Visually Impaired Treaty proposal.*

## Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)

Malaysia sedang di dalam rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan beberapa buah negara. Isu yang dirundingkan meliputi beberapa perkara termasuklah harta intelek. MyIPO telah turut serta sebagai pakar teknikal bagi bidang harta intelek di dalam rundingan FTA seperti berikut:

i. Malaysia – Australia (MAFTA)
ii. Malaysia – Kesatuan Eropah (MEUFTA)
iii. Malaysia – Turki
iv. *Trans-Pacific Partnership* (TPP)

Kesemua perjanjian tersebut masih dalam proses rundingan.

Mesyuarat dan rundingan yang telah dihadiri adalah seperti di **Jadual 1**.

## *Free Trade Agreement (FTA)*

*Malaysia is in the midst of negotiating the Free Trade Agreement (FTA) with several countries. One of the issues being negotiated is intellectual property. MyIPO participated as a technical expert on IP in the following FTA negotiations:*

*i. Malaysia – Australia (MAFTA)*
*ii. Malaysia – European Union (MEUFTA)*
*iii. Malaysia – Turkey*
*iv. Trans-Pacific Partnership (TPP)*

*The negotiations are still on-going.*

*The list of meetings and negotiations participated are as shown in* ***Table 1****.*

Jadual 1: Mesyuarat dan Rundingan di Peringkat Serantau dan Antarabangsa
*Table 1: Meetings and Negotiations at Regional and International Levels*

| **Bil.** *No.* | **Mesyuarat / Rundingan** *Meeting / Negotiation* | **Tarikh** *Date* | **Tempat** *Venue* |
|---|---|---|---|
| 1. | 14th Standing Committee Meeting on the Laws of Patents (SCP) | 25-29 Jan | Switzerland |
| 2. | 30th APEC IPEG Meeting | 4-6 Mac | Japan |
| 3. | ASEAN-China IP Co-operation Meeting | 12-17 Apr | China |
| 4. | 7th Malaysia and Australia Free Trade Agreement Negotiation | 19-23 Apr | Kuala Lumpur |
| 5. | Committee on Development and Intellectual Property Meeting (CDIP) | 26-30 Apr | Switzerland |
| 6. | 23rd session WIPO Standing Committee on the Law of Trademarks, Industrial Designs and Geographic Indications | 19-23 Apr | Switzerland |
| 7. | AANZFTA: Inaugural Meeting of the Committee on IP | 2-3 Mei | The Philippines |
